

"MAHA Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidil Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Wala haula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

ISU PENGURUSAN PERLU DITANGANI DENGAN BAIK



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN), Sumbiling Telephone-House Jalan Istana Darussalam, di ibu negara.
- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Apabila infrastruktur rangkaian syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini diambil alih oleh Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN) maka berlaku kekeliruan bukan sahaja dalam kalangan kakitangan syarikat-syarikat telekomunikasi yang terlibat malah juga dalam kalangan orang ramai.

Telah timbul banyak persoalan antaranya apakah kebaikan atau manfaat penyatuan ini dibuat, di samping terdapat juga harapan bahawa inisiatif ini akan membawa perubahan positif khususnya

kepada harga perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menggariskan mengenai perkara berkenaan semasa berkenan berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke UNN, Sumbiling Telephone-House Jalan Istana Darussalam, di ibu negara pagi tadi.

>> Muka 3

JPM adakan Doa Kesyukuran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Februari. - Dalam memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya, hari ini, mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

>> Muka 7

Terus menyediakan perkhidmatan terbaik

Oleh : Marlinawaty Hussin

JERUDONG, Khamis, 16 Februari. - Kementerian Kesihatan terus komited dalam memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan sentiasa mengutamakan pelanggan.

Justeru itu, pelaksanaan beberapa projek termasuk penambahbaikan infrastruktur, penyediaan perkhidmatan baharu, penyediaan teknologi dan peralatan

perubahan yang canggih serta moden; juga penyumbangan luar beberapa perkhidmatan dukungan bukan klinikal adalah secara keseluruhannya untuk memastikan keselamatan, keselesaan, kebajikan serta memberikan kemudahan kepada pesakit dan pengguna.

>> Muka 9



Berita Utama



TELITI pelbagai isu, cabaran Sektor Pengangkutan, Infokomunikasi
Muka 10



METERAI kerjasama ke arah industri lebih aktif
Muka 18



25 peserta mara ke peringkat akhir

Muka 24



ISRAK Mikraj detik muhasabah diri cari kesempurnaan solat

Muka 27

Bendera besar berkibar megah di ibu negara

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Bendera besar negara berkibar megah di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sejurus selepas Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara yang menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan selaku Timbalan Pengerusi Bersama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023 serta Ahli-ahli Jawatankuasa lain.

>> Muka 11

RENCANA

Kementerian Pembangunan teruskan projek infrastruktur selaras Wawasan Brunei 2035

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan taufik dan izin-Nya jua kita sama-sama dapat hadir bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Sesi Permuzakarah bersama pihak Kementerian Pembangunan pada pagi ini.

Peramba / kaola / saya ingin mengambil kesempatan bagi mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 dan juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas lantikan selaku Ahli-ahli Yang Berhormat bagi MMN.

Di kesempatan ini juga, peramba / kaola / saya ingin menjunjung kasih di atas peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Kementerian Pembangunan untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Sesi Permuzakarah ini merupakan satu *avenue* dalam mencapai pendekatan usaha perancangan dan pelaksanaan strategi kementerian secara holistik dan Whole of Nation Approach. Ini juga merupakan peluang bagi pihak kementerian untuk memperbaiki mana-mana kekurangan dan kelemahan di dalam perkhidmatan yang diberikan. InsyaaAllah segala apa jua pendapat dan cadangan yang berguna akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh kementerian ini.

Pada Sesi Permuzakarah pada pagi ini, izinkan peramba / kaola / saya untuk mengongsikan perancangan dan beberapa inisiatif kementerian seperti berikut :

i) Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan

Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018 - 2023 dilancarkan pada tahun 2018 menyokong Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035 iaitu Kualiti Kehidupan. Dalam buku rangka dasar dan pelan strategik tersebut, ia memfokuskan kepada enam *core strategy* iaitu :

1. Strengthening Policy & Governance Framework.
2. Integrated Planning & Inter Departmental Coordination.
3. Leveraging on Information Technology to Streamline Operational Process Structure.
4. Better Optimization of Key Resources and Assets.
5. Expanding Collaborative Networks with Key Stakeholders & Leveraging Private Sector Infrastructure Investment.
6. Supporting Local Business Development.

Berpandukan penelitian Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018 - 2023, pencapaian setakat tahun 2022 secara menyeluruh adalah sebanyak 70 peratus dan insyaaAllah Kementerian Pembangunan akan mengukaykay untuk meningkatkan lagi usaha-usaha dalam memperbaiki segala kekurangan dan kelemahan kementerian dalam merangka Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2024 - 2029.

ii) Perumahan

Sehingga tahun 2022, sebanyak 30,296

rumah telah dihasilkan di bawah Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di sebanyak 17 kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) dengan keluasan menyeluruh sebanyak 794 hektar sejak skim ini diperkenalkan pada tahun 1984, diurus dan diselenggara oleh Jabatan Kemajuan Perumahan, di keempat-empat daerah di seluruh negara.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11 ini, dua projek sedang dijalankan seperti berikut :

1) RPN Kampung Lugu Fasa 2, iaitu 1,000 unit rumah teres yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2023.

2) RPN Kampung Tanah Jambu Fasa 7'a, iaitu sebanyak 950 unit rumah teres yang mana pembinaannya akan bermula pada pertengahan tahun ini dan dijangka siap pada bulan Januari 2025.

Selain daripada itu, sebanyak 245 unit *apartment* daripada 300 unit *apartment* H40 Lambak Kanan telah pun diperuntukkan. Manakala, 55 unit selebihnya, akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan.

140 unit rumah teres di RPN Rimba, dan 40 unit rumah teres di RPN Bukit Beruang juga adalah sedang dalam proses untuk diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan.

Sebanyak 16 unit rumah transit di RPN Lambak Kanan telah dibaik pulih dan empat unit telah didiami. Selebihnya juga dihasratkan untuk diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan.

Dalam pada itu, terdapat 591 unit rumah di Perumahan Negara Panchor, Mengkubau



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid berucap pada Sesi Permuzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Khamis, 9 Februari 2023 di Dewan Atria Simpung, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

adalah kosong (rosak). Rumah-rumah berkenaan mempunyai masalah keretakan pada komponen struktur rumah seperti dinding, lantai, jubin; masalah kalis air; masalah kebocoran paip dan pendawaian elektrik ; serta juga masalah banjir.

Sehingga kini, pihak jabatan telah menerima lebih dari 291 aduan (termasuk tujuh aduan masalah banjir) daripada pemilik rumah di Perumahan Negara Panchor Mengkubau.

>> Muka 18

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	SABTU	27	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	AHAD	28	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	ISNIN	29	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
21	SELASA	30	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	RABU	1 SYAABAN	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
23	KHAMIS	2	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	JUMAAT	3	5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	29 25 °C	29 24 °C
Pekan Bangar	30 24 °C	29 24 °C	29 24 °C
Pekan Tutong	29 24 °C	29 24 °C	29 24 °C
Kuala Belait	29 24 °C	29 24 °C	29 24 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 18 FEBRUARI 2023

Kibarkan bendera, meriahkan Sambutan Hari Kebangsaan

ALHAMDULILLAH tinggal beberapa hari saja lagi negara kita akan menyambut Hari Kebangsaan Ke-39 Tahun. Bagi meraikan hari bersejarah tersebut pelbagai acara utama telah diatitkan untuk memeriahkan sambutan dan turut dimeriahkan dengan acara-acara sampingan. Perkara ini secara tidak langsung akan dapat melahirkan dan mendidik lapisan rakyat dan penduduk di negara ini agar lebih bersemangat patriotik dan menyemarakkan rasa cinta kepada tanah air.

Menjelang saja ketibaan Hari Kebangsaan sudah tentunya acara paling penting dilaksanakan adalah Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara yang menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Lazimnya acara tersebut akan juga diikuti dengan pengibaran bendera pada peringkat daerah yang mana ia adalah sebagai manifestasi untuk menzahirkan cinta dan kasih, rasa tanggungjawab, komitmen serta taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara dan juga sekali gus kepada raja yang kita kasih.

Dengan bermulanya pengibaran bendera besar tersebut juga, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah dikehendaki untuk mengibarkan bendera kebangsaan NBD bukan hanya di rumah-rumah kediaman dan bangunan-bangunan pejabat serta premis-premis perniagaan.

Sementara itu, Pengiran-Pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran hendaklah mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai hendaklah mengibarkan bendera NBD.

Di samping itu, selaku rakyat dan penduduk yang taat setia kepada kedaulatan negara, adalah menjadi satu kewajipan dan tanggungjawab kita untuk mengibarkan bendera dengan megah mengikut tatacara dan peraturan yang betul sama ada semasa menaikkan dan memasangnya.

Setiap bendera yang dikibarkan hendaklah dalam keadaan baik, tidak pudar warnanya dan tidak koyak. Justeru itu, janganlah abaikan bendera negara begitu sahaja, peliharalah dengan sebaik-baiknya. Bendera yang dikibarkan bukan sahaja sekadar sehelai kain bahkan ia adalah sebagai lambang kedaulatan bangsa dengan rakyat yang berpegang teguh kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Sehubungan itu, orang ramai hendaklah bersama-sama memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-39 ini dengan mengibarkan bendera masing-masing sehingga 25 Februari 2023.

Di samping itu, kita hendaklah sentiasa meningkatkan kesyukuran dan taat setia kepada tanah air dengan sentiasa memohon doa, semoga negara yang kita cintai ini akan sentiasa dipayungi dengan sinaran rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Amin Ya Rabbal Alamin.* - **Ketua Penyuntingan (Rd)**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN), Sumbiling Telephone-House Jalan Istana Darussalam.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

UNN titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sebuah organisasi 100 peratus milik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Darussalam Asset Sendirian Berhad (DA Sdn. Bhd.) ditubuhkan pada 4 Disember 2018 dengan tujuan untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi digital di negara ini.

Pada 1 September 2019 titah Kebawah DYMM, UNN mengambil alih semua infrastruktur telekomunikasi dan rangkaian di negara ini berserta aset-aset daripada tiga buah syarikat telekomunikasi tempatan, iaitu Telekom Brunei

Sdn. Bhd. (TelBru); Data Stream Technology Communication Sdn. Bhd. (DST); dan Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB).

Dalam titah, baginda turut membangkitkan mengenai isu pengurusan yang mana memang daripada peringkat awal penubuhan lagi, isu pengurusan adalah paling dibangkitkan oleh kakitangan syarikat-syarikat telekomunikasi yang terlibat, yang mana terdapat kerisauan mengenai nasib kakitangan, iaitu dengan adanya inisiatif berkenaan akan menjangkakan lebih 500 orang pekerja warga tempatan akan kehilangan pekerjaan.

"Kerana pihak UNN akan lebih memilih para pekerja yang diperlukan sahaja, sementara para pekerja yang kurang

Isu pengurusan perlu ditangani dengan baik

diperlukan akan dimasukkan ke dalam satu skim khas yang lain. Dengan tujuan para pekerja itu nanti akan berhenti secara sukarela untuk mencari pekerjaan di tempat-tempat lain.

"Apabila ia berlaku maka jawatan-jawatan yang dikosongkan kelak akan ditawarkan kepada para pekerja asing yang dianggap lebih berkemahiran, inilah antara isu yang tidak mudah berakhir," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM juga turut mempersoalkan mengenai isu di peringkat pengurusan yang mana selain isu kerisauan hilang pekerjaan, para pekerja tempatan juga heboh mempersoalkan jawatan-jawatan di peringkat Pengurusan Eksekutif UNN yang hampir-hampir dimonopoli oleh warga asing.

Lima daripada tujuh jawatan tertinggi dipegang oleh warga asing tegas baginda, ini membawa pelbagai tuduhan dan kesal dalam kalangan pekerja tempatan terhadap pihak DA Sdn. Bhd., dan malah mengandaikan bahawa pegawai yang bertanggungjawab di dalam kerajaan adalah lebih gemar mengambil warga asing dengan memberikan gaji lebih tinggi kepada yang diterima oleh warga tempatan sekalipun jawatan yang disandang adalah sama.

"Beta dalam perkara ini tidak akan segera menyebelahi mana-mana pihak tetapi lebih cenderung untuk mengetahui

hakikat tanpa dibayangi oleh sebarang usaha atau niat menyembunyikan kebenaran," titah Kebawah DYMM.

Kebawah DYMM juga turut bertitah menentengahkan mengenai prestasi warga asing yang perlu dirungkai sama ada memberangsangkan atau sebaliknya.

"Kerana ada sungutan mempertikai bahawa mereka ini seolah-olah tidak mempunyai sebarang kepakaran dalam telekomunikasi kecuali lebih banyak memikirkan kepentingan peribadi bukan untuk kemajuan UNN.

"Namun menurut sungutan, pegawai kerajaan yang bertanggungjawab membuat pilihan sering menyebelahi

dan mengikut kemahuan para pegawai warga asing tersebut," tegas baginda lagi.

Sungutan juga terus berlaku setelah lebih empat tahun penubuhan UNN mengenai tahap perkhidmatan dengan masalah kelajuan internet, di mana baginda membangkitkan pihak UNN sering mengelak dengan memberi alasan bahawa perkara itu berpunca daripada kecurian kabel tetapi dalam masa yang sama pihak UNN tidak atau kurang usaha untuk mengatasi isu kecurian tersebut.

"Maka berbangkit daripada kelemahan ini segelintir orang awam telah memberikan nama jolokan kepada UNN sebagai Useless National Network," ujar titah baginda lagi.



ANTARA pegawai dan kakitangan UNN yang mendengarkan titah.

UNN PERLU ADA USAHA, RANCANGAN BERKESAN UNTUK WARGA TEMPATAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan keberangkatan Tidak Berjadual ke Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN), Sumbiling Telephone-House Jalan Istana Darussalam, di ibu negara pagi tadi bertitah membangkitkan syak wasangka terhadap UNN yang tidak dapat dielak daripada berterusan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, pada awal tahun 2022 kesulitan UNN disiasat oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) tetapi siasatan tidak sampai ke mana, apabila pegawai berkenaan telah balik ke negara asalnya bersama-sama dengan isterinya sekali.

"Ketua Pegawai Kewangan di DA Sdn. Bhd., tindakan mereka meninggalkan Brunei ini telah mencetuskan spekulasi sebagai untuk mengelakkan daripada disiasat oleh pihak berkenaan dan menguatkan lagi spekulasi

bahawa konsultan berkenaan adalah penerima gaji yang lumayan yang disamakan dengan gaji seorang menteri, tetapi terdesak untuk menamatkan perkhidmatannya kerana takut disiasat," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kebawah DYMM juga bertitah, pada Julai 2022, pihak audit diarahkan untuk membuat audit terhadap beberapa buah syarikat telekomunikasi di bawah DA Sdn. Bhd. termasuk UNN tetapi Pengerusi DA Sdn. Bhd. sebaliknya mengarahkan pihak Jabatan Audit supaya tidak payah membuat pemeriksaan audit berkenaan.

"Tindakan Pengerusi DA Sdn. Bhd. menghalangi Jabatan Audit dari membuat pemeriksaan audit ini telah mengejutkan ramai pihak dan sekali gus mencetuskan andaian bahawa Pengerusi DA Sdn. Bhd. dengan tindakannya itu bertujuan untuk menutupi segala permasalahan syarikat-syarikat di bawah DA Sdn. Bhd.," titah baginda.

Dalam titah, baginda juga menyentuh mengenai karenah negatif yang mengundang spekulasi tentang salah guna kuasa dan kewangan di UNN.

Spekulasi ini titah baginda, dikuatkan lagi oleh karenah sebilangan warga asing yang telah menyatakan hasrat untuk

berundur lebih awal daripada tempoh kontrak mereka tamat.

"Mengapakah mahu berundur lebih awal sedangkan perkhidmatan UNN masih menjadi teka teki. Sepatutnya, mereka bukan berundur lebih awal tetapi bekerja lebih keras untuk membina UNN supaya lebih berdaya maju dan menyerlah bukan meninggalkannya dalam keadaan muram dan bermasalah.

"Jadi keputusan untuk berundur lebih awal itu sedang UNN masih dibelenggu masalah adalah mewajarkan untuk kita membuat rumusan bahawa mereka sebenarnya gagal dalam menyempurnakan tugas-tugas yang diberikan atau memilih cepat-cepat angkat kaki untuk mengelakkan perbuatan salah laku terbuka jika ada," tegas Kebawah DYMM lagi.

Baginda juga bertitah mengingatkan bahawa semua insiden ini sepatutnya janganlah ia dilihat dengan sebelah mata sahaja, tetapi perlu dilihat dengan mata kesedaran.

"Kita tidak menafikan bahawa jawatan Eksekutif adalah lumrah disandang oleh orang-orang asing kerana pelbagai faktor kepakaran dan pengalaman tetapi ini tidak bererti kita mesti menonton sahaja cara mereka bekerja dan menerima bulat-bulat

segala hasil kerja mereka sebagai unggul dan lurus belaka.

"Mengambil sikap seperti ini adalah tidak betul tetapi yang betulnya di pihak kita juga mesti ada usaha dan rancangan berkesan berkaitan *transfer of knowledge* kepada warga tempatan," titah baginda.

Pada akhir titah, Kebawah DYMM turut mengemukakan beberapa soalan, iaitu adakah terdapat UNN pernah

dilaksanakan pengauditan, jika ada, apa hasilnya?; setakat manakah perkembangan antara pihak pengurusan eksekutif warga asing dengan anak-anak tempatan?; apakah perancangan UNN dalam usaha ke 'Bruneisation' pada peringkat pengurusan? Adakah DA Sdn. Bhd. dan UNN mempunyai pelan strategik, sama ada bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

"KITA tidak menafikan bahawa jawatan Eksekutif adalah lumrah disandang oleh orang-orang asing kerana pelbagai faktor kepakaran dan pengalaman tetapi ini tidak bererti kita mesti menonton sahaja cara mereka bekerja dan menerima bulat-bulat segala hasil kerja mereka sebagai unggul dan lurus belaka. "Mengambil sikap seperti ini adalah tidak betul tetapi yang betulnya di pihak kita juga mesti ada usaha dan rancangan berkesan berkaitan *transfer of knowledge* kepada warga tempatan," titah baginda.

BERKENAN ADAKAN KEBERANGKATAN TIDAK BERJADUAL KE UNN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN) di Sumbiling Telephone-House Jalan Istana Darussalam, di ibu negara (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam pagi tadi berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN) di Sumbiling Telephone-House Jalan Istana Darussalam, di ibu negara. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen Oehler, bersama Vice President Delivery, Field, Rollout and Power, Dayangku Hajah Martini binti Pengiran Haji Abd. Rahman.

Semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke UNN berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan meninjau dan

melihat lebih dekat beberapa buah bahagian dan unit di syarikat berkenaan antaranya Bahagian Pengurusan dan Transformasi serta Bahagian Kejuruteraan dan Perancangan Rangkaian, dengan Pusat Data UNN turut menjadi tumpuan keberangkatan baginda.

UNN merupakan syarikat pengendali rangkaian telekomunikasi yang bergabung di negara ini yang menyediakan

skop penuh perkhidmatan tetap dan bimbit.

Setakat ini, akses rangkaian *fiber optic* digunakan oleh 92 peratus isi rumah di negara ini.

Pada lawatan berkenaan, baginda juga berkenan mengurniakan titah, dan seterusnya mengadakan sesi soal jawab bersama para pegawai dan kakitangan UNN.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau dan melihat lebih dekat beberapa buah bahagian dan unit di syarikat berkenaan (kiri, atas, bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melihat lebih dekat beberapa buah bahagian dan unit di syarikat tersebut (atas dan kanan).

>> Muka 4

Hadir sama semasa lawatan berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Juga hadir, Timbalan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos; Timbalan Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-undang), Yang Mulia



Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin

bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato

Paduka Haji Sani; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama kakitangan UNN (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama kakitangan UNN.

MAJLIS SANTAP PETANG SEMPENA PUJA USIA DPMM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dijunjung bagi sesi bergambar ramai. Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri ialah paduka-paduka adinda DYTMM (atas). Manakala gambar kiri, DYTMM ketika disembahkan kepada anggota ABDB.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti

Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, petang tadi berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-49 Tahun yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), bertempat di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Berangkat mengiringi Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; dan

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Keberangkatan tiba DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja di Mes Pegawai Bolkiah Garison dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir dan Pemerintah ABDB, Mejar

Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Semasa majlis tersebut, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan seterusnya disembahkan kepada anggota ABDB yang terlibat di dalam misi Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT), Republik Filipina, anggota ABDB yang mengikuti Penugasan Misi Pengaman di dalam Malaysian Battalion 850-9 (MALBATT 850-9) bagi Misi United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL), penerima RBAF Commendation Award bagi Kursus Maktab Turus ABDB Ke-12 bagi Tahun 2022, dan pegawai-pegawai yang baru ditauliahkan yang menerima Anugerah-anugerah Terbaik bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-21, Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudiannya disembahkan dengan tayangan klip video serta Buku Sejambak Ristaan XVI yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan termasuk semasa Majlis Santap Petang sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-48 Tahun yang dihoskan oleh Kementerian Pertahanan dan ABDB pada tahun lepas.

Sejurus itu, majlis diikuti dengan penandatanganan Lembaran Kenangan, Upacara Memotong Kek dan pesambah.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, dari Tentera Laut Diraja Brunei.



DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ketika memotong kek dan mendengarkan sembah penerangan mengenai Buku Sejambak Ristaan XVI yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan (kiri dan kanan).



DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta paduka-paduka adinda DYTMM, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah serta DYTMM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, dari Tentera Laut Diraja Brunei (atas dan kanan).



RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyaksikan raptai penuh Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah (atas), manakala gambar kanan, suasana raptai penuh Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Negara Brunei Darussalam akan meraikan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah pada Sabtu, 27 Rejab 1444 Masihi bersamaan 18 Februari 2023, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas mulai jam 9.00 pagi.

Tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah ialah 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Sembahyang Meraih Redha Allah'.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara tahun ini akan diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta kesimpulan makna, persembahan selawat, ceramah khas dan persembahan khas.

Bagi memastikan kelancaran majlis itu nanti, raptai penuh telah diadakan pagi tadi dan hadir bagi memastikan latihan berjalan sempurna ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang

Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1444 Hijrah.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara pada tahun ini dikendalikan bersama oleh KHEU, KSSUP, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Syarikat PDS Sdn. Bhd. dan Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd.

Adalah dinasihatkan kepada para jemputan, ahli-ahli jawatankuasa, para peserta persembahan dan individu yang hadir ke majlis itu nanti untuk

melakukan Ujian Pantas Antigen (ART) di rumah masing-masing dan memuat naik (*upload*) keputusan ART COVID-19 ke aplikasi BruHealth pada hari majlis berkenaan dan menunjukkan keputusan ART yang negatif melalui aplikasi BruHealth kepada Penyambut Tetamu atau AJK yang bertugas.

Manakala individu yang mempunyai simptom-simptom seperti demam panas, batuk selesema dan masalah pernafasan adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri majlis.

COVID-19 : 86 kes sembuh


Oleh : Khartini Hamir
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Februari. - Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, tidak ada kes dicatatkan berada dalam Kategori 4 dan 5 yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) atau yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Hari ini sebanyak 86 kes disahkan sembuh yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 276,237.

Bagi Program Vaksinasi pula setakat ini, sebanyak 87.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.9 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.



JPM adakan Doa Kesyukuran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri; jemputan-jemputan khas, Setiausaha-setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin

beramai-ramai yang diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran. Majlis tersebut diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis Doa Kesyukuran

bersempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-49 ini adalah sebagai tanda merafakkan syukur dan seterusnya berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan, panjang umur dan kesejahteraan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan juga kerabat diraja.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-49.

JPM MEMFOKUSKAN 4 BIDANG UTAMA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) (atas), manakala gambar bawah dan bawah kanan, sekitar Sesi Muzakarah JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli MMN bagi Tahun 2023, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan JPM.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Rabu, 15 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku agensi utama kerajaan selaku agensi utama kerajaan mendukung hasrat bagi merealisasikan gagasan sebuah Negara Zikir dan benar-benar memenuhi ciri-ciri *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*, termasuk menyatakan bahawa JPM memfokuskan kepada empat bidang utama, iaitu urus tadbir Perkhidmatan Awam; wawasan; sekuriti dan undang-undang; dan tenaga.

Dalam masa yang sama, Pendekatan Senegara ataupun Whole of Nation Approach juga adalah dititikberatkan dalam merancang dan memacu pembangunan sosioekonomi negara bersama pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang merupakan rakan strategik kerajaan dalam pelaksanaan pelbagai dasar dan pelan tindakan, sepertimana hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff menjelaskan demikian pada Sesi Muzakarah JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat MMN bagi Tahun 2023, yang berlangsung di Bilik



Mesyuarat West Wing, Bangunan JPM.

Yang Berhormat Menteri di JPM antara lainnya juga menjelaskan bahawa Sesi Muzakarah berkenaan merupakan peluang bagi kedua-dua belah pihak untuk bersemuka dan sama-sama mengambil perhatian akan pelbagai isu mustahak dan apa juga perkara yang mempunyai kesan positif terhadap kehidupan seharian dan kesejahteraan am rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Seramai 18 orang Ahli Yang Berhormat MMN menghadiri Sesi Muzakarah berkenaan yang

diketahui oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Sejurus ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM, muzakarah diteruskan dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman selaku ketua rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat MMN.

Permuzakarah seterusnya disusuli dengan sesi dialog di antara Ahli-ahli Yang Berhormat MMN dan pihak JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang antara lain memfokuskan mengenai hal ehwal berkaitan Perkhidmatan Awam, pekerjaan, pencapaian dan pemantauan terhadap merealisasikan Wawasan Brunei 2035, pendekatan senegara dalam pelbagai bidang strategik dan kemampuan ekonomi.

Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Yang Berhormat MMN berkenaan merupakan wadah bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk mengongsikan maklumat terkini mengenai pencapaian dan perkhidmatan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk secara berterusan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035; di samping bagi kedua-dua belah pihak untuk berkongsi idea, pandangan dan cadangan ke arah meningkatkan pemberian perkhidmatan JPM.

Turut hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan, Timbalan-timbalan Menteri; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



NBD komited bina ekosistem sains, teknologi kondusif

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN-Rusia (ARMMSTI) pada Selasa, 14 Februari 2023 yang diadakan secara maya.

Mesyuarat ARMMSTI berkenaan dipengerusikan bersama oleh Yang

Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan Pemangku Menteri Sains dan Pengajian Tinggi, Rusia, Tuan Yang Terutama Airat Gatiyatov.

Antara perkara yang diketengahkan pada mesyuarat berkenaan ialah mengenai keutamaan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negara-negara Ahli ASEAN, serta pengumuman penutupan rasmi Tahun Kerjasama Sainifik dan Teknikal ASEAN-Rusia

2022 (ASEAN-Russia Year of Science and Technology Cooperation 2022 - ARYSTC 2022).

Mesyuarat berkenaan juga membincangkan pelbagai pencapaian Hubungan Dialog ASEAN-Rusia sepanjang 26 tahun serta pelbagai langkah dan usaha meluas dalam memperkukuhkan lagi kerjasama STI di antara ASEAN dan Rusia.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi

dalam ucapannya semasa sesi perkongsian, menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) komited untuk membangun ekosistem sains dan teknologi yang kondusif bagi mendukung pembangunan sosioekonomi negara.

Yang Berhormat turut menekankan pelaburan dalam Pembangunan dan Penyelidikan (Research and Development - R&D), keusahawanan dan kerjasama dengan rakan kongsi antarabangsa adalah penting dalam mencapai matlamat berkenaan.

Penubuhan Majlis Penyelidikan

dan Kemajuan Teknologi dan Sains Brunei Darussalam (CREATES) pada tahun 2021 menandakan komitmen berterusan berkenaan.

Turut hadir pada mesyuarat berkenaan, Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim; dan juga para pegawai kanan di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

TERUS MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TERBAIK



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Perkhidmatan Kecemasan yang baharu di Hospital Suri Seri Begawan (SSB) Kuala Belait; pembinaan blok baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan projek Bru-HIMS 2.0 adalah sedang diangkayahkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

"Dalam pada itu, Makmal Klinik Diagnostik Molekular bagi penyakit berjangkit di Daerah Tutong siap dibina dan mula digunakan sejak bulan November 2021 dengan kelengkapan pelbagai peralatan makmal yang canggih.

"Keupayaan makmal berkenaan untuk menjalankan kajian genetik atau *genetic sequencing* bagi patogen yang menyebabkan penyakit berjangkit akan dapat mendukung kesiapsiagaan negara dalam menangani pelbagai penyakit berjangkit dan menjamin keselamatan kesihatan awam di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut menerangkan mengenai perkembangan lain yang dicapai

termasuk pembukaan Day Care Ward di Hospital RIPAS bagi menampung peningkatan jumlah pesakit yang memerlukan pembedahan ringan, pengembangan perkhidmatan seperti Perkhidmatan Audiologi di Hospital SSB bagi keperluan penduduk di Daerah Belait, dan penyediaan bas pengangkutan (*shuttle bus*) di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuring yang bermula pada bulan Mei 2021 bagi mengatasi masalah tempat letak kereta di Pusat Kesihatan berkenaan.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan melalui syarikat-syarikat yang dipilih kini mendapat sambutan sehingga jumlah syarikat yang ikut serta dalam memberikan perkhidmatan berkenaan juga turut bertambah.

"Penyediaan teknologi perubatan yang moden dan canggih banyak membantu para pakar perubatan menjalankan rawatan klinikal dengan lebih berkesan, cepat, tepat dan selamat.

"Di antara penggunaan teknologi digital di perkhidmatan-perkhidmatan perubatan yang sudah dimulakan ialah Picture Archiving and Communication System atau PACS bagi Perkhidmatan Radiologi dan Perkhidmatan Kardiologi di seluruh negara; Computer-Assisted Design (CAD) bagi Perkhidmatan Pergigian, Therapy Data Management System (TDMS) bagi Perkhidmatan Dialisis dan penambahan mesin CT Scan di daerah-daerah Belait dan Tutong," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat berkata Kementerian Kesihatan masih mempunyai pelbagai cabaran yang perlu ditangani demi memelihara kedayatahan sistem kesihatan dan juga dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 ke arah negara yang mempunyai rakyat yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi.

Cabaran utama terang Yang Berhormat ialah peningkatan kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit, dan negara ini diramal akan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

berhadapan dengan beban peningkatan kadar penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit atau NCD, selain akan melihat peningkatan jumlah warga emas yang ketara.

"Justeru itu, Kementerian Kesihatan terus berusaha untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai kesihatan dalam kalangan masyarakat, termasuk mempromosikan penuaan sihat atau *healthy ageing* dalam kalangan warga emas.

"Rakyat yang mempunyai jangka hayat dan kualiti hidup yang tinggi adalah merupakan petunjuk pencapaian yang telah pun disasarkan di bawah Wawasan Brunei 2035.

"Namun, orang ramai juga perlu memainkan peranan dan mengambil tanggungjawab atas kesihatan mereka sendiri," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menekankan mengenai satu lagi isu yang turut diberikan perhatian oleh kementerian berkenaan, iaitu isu kesihatan mental.

"Kaji selidik dan pemerhatian yang dijalankan mendapati trend isu kesihatan mental di negara ini adalah di tahap membimbangkan.

"The Global School Based Health Survey (GSHS) yang dijalankan pada tahun 2019 di negara ini menunjukkan kadar percubaan membunuh diri dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun ialah sebanyak 12.2 peratus, iaitu meningkat daripada 5.7 peratus daripada kaji selidik yang sama pada tahun 2014.

"Dalam usaha menangani masalah ini, perkhidmatan Talian Harapan 145 dilancarkan pada tahun 2019 dan setakat penghujung tahun 2022, lebih

daripada 10,600 panggilan dicatatkan," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa pada tahun 2022 sahaja, sebanyak 2,428 panggilan diterima, iaitu purata lebih 200 panggilan setiap bulan.

Purata kes bunuh diri ujar Yang Berhormat juga dilihat meningkat di antara tahun 2010 sehingga 2015, dengan purata kes bunuh diri adalah sebanyak lima kes setahun dan ia meningkat kepada sepuluh kes setahun di antara tahun 2016 hingga 2020.

Yang Berhormat juga menjelaskan selari dengan data-data berkenaan, Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat juga mendapati peningkatan kes-kes yang dirujuk ke perkhidmatan berkenaan pada masa ini sebanyak 400 hingga 600 kes dirawat pada setiap bulan.

Dalam perkara berkenaan kata Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sangat berharap agar perkara berkenaan dapat ditangani secara pendekatan Whole-of-Nation.

Yang Berhormat juga berpendapat, para pemimpin masyarakat mempunyai peranan yang kritikal dalam menangani perkara berkenaan dengan signifikansi melalui pelbagai pendekatan seperti kerohanian, kemahiran, pembangunan minda, pendidikan dan juga kewangan.

"Rakyat yang mempunyai kesihatan mental yang mantap dan resilien akan dapat melahirkan modal insan yang sempurna dan mampu menjana generasi yang berwawasan selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 1

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara berkenaan semasa menyampaikan ucapan selaku Pengerusi Majlis Muzakarah pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

"Dari segi infrastruktur, pelbagai projek seperti pembinaan blok baharu di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuring; pembinaan

■ **PELAKSANAAN** beberapa projek termasuk penambahbaikan infrastruktur, penyediaan perkhidmatan baharu, penyediaan teknologi dan peralatan perubatan yang canggih serta moden; juga penyumberan luar beberapa perkhidmatan dukungan bukan klinikal adalah secara keseluruhannya untuk memastikan keselamatan, keselesaan, kebajikan serta memberikan kemudahan kepada pesakit dan pengguna.

■ **PEMBUKAAN** Day Care Ward di Hospital RIPAS bagi menampung peningkatan jumlah pesakit yang memerlukan pembedahan ringan, pengembangan perkhidmatan seperti Perkhidmatan Audiologi di Hospital SSB bagi keperluan penduduk di Daerah Belait, dan penyediaan bas pengangkutan (*shuttle bus*) di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuring yang bermula pada bulan Mei 2021 bagi mengatasi masalah tempat letak kereta di Pusat Kesihatan berkenaan.

■ **KEMENTERIAN** Kesihatan masih mempunyai pelbagai cabaran yang perlu ditangani demi memelihara kedayatahan sistem kesihatan dan juga dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 ke arah negara yang mempunyai rakyat yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi.

■ **PENINGKATAN** kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit, dan negara ini diramal akan berhadapan dengan beban peningkatan kadar penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit atau NCD, selain akan melihat peningkatan jumlah warga emas yang ketara.

Berkongsi idea dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan

JERUDONG, Khamis, 16 Februari. - Kementerian Kesihatan hari ini mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Seramai 15 orang Ahli MMN menghadiri Sesi Muzakarah berkenaan yang diketuai oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Sebelum Sesi Muzakarah dimulakan, Ahli-ahli MMN dibawa melawat ke perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di PJSC, iaitu Radiotherapy; Early Detection and Cancer Prevention Services (EDCPs); Day Care Unit (DCU); dan Rehab Department.

Sesi Muzakarah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Haji

Ishkandar bin Haji Buntar, disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi Majlis Muzakarah.

Sejurus itu, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman menyampaikan ucapan balas pada majlis berkenaan.

Muzakarah diteruskan lagi dengan sesi taklimat mengenai gambaran keseluruhan Kementerian Kesihatan, disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui.

Permuzakarah diteruskan dengan sesi dialog di antara Ahli-ahli MMN dan pihak Kementerian Kesihatan.

Dialog yang diadakan dalam

suasana silaturahim, muhibah dan secara terbuka berkenaan adalah bagi berkongsi idea, maklumat, isu, pandangan dan cadangan yang sudah setentunya akan memberi manfaat kepada Kementerian Kesihatan dalam usahanya meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Doktor Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan, dan para pegawai dari Kementerian Kesihatan.



AHLI-ahli MMN dibawa melawat ke perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di PJSC (atas dan bawah).



TANGANI SECARA SISTEMATIK, TITIKBERATKAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berucap pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Dalam melangkah menuju kehidupan norma baharu, pasca COVID-19 telah banyak menjejaskan pelaksanaan program atau projek-projek yang telah dirancang.

Namun begitu, ia memberi peluang kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) untuk menilai semula keberkesanan projek-projek yang telah dilaksanakan, meliputi strategi-strategi yang sedang dirancang, serta mengukur pencapaian dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, termasuk penjenjaraannya dengan pelan-pelan induk kebangsaan yang lain serta mendukung Wawasan 2023.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berkata demikian semasa Perjumpaan

Muhibah MTIC bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kementerian tersebut telah membuat *mid-term review* kepada Pelan Strategik Kementerian, iaitu MTIC 2025, dan telah mengenal pasti perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan, dan akan menanganinya secara sistematik dan telah menitikberatkan kepada tiga pemacu nilai atau *value drivers*, iaitu memastikan keselamatan orang ramai terjamin; memastikan kesejahteraan dan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan yang cekap, bersih dan efisien; dan Mendukung kemajuan ekonomi yang mampan.

Tumpuan tindakan seterusnya tambah Yang Berhormat, adalah kepada penyediaan dan mengemaskinikan Manual Prosedur Kerja (MPK) iaitu perkara asas yang perlu diterapkan untuk digunakan dan dikemas kini mengikut peranan dan tugas yang diberikan agar organisasi tersebut akan lebih fokus dalam menjalankan perannya.

"Seterusnya, ialah mengikuti piawaian (*standard*) sebagai rujukan yang jelas - terutama sekali dalam penyediaan perkhidmatan kepada orang ramai dan dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua; dan pemantauan prestasi (*performance monitoring*) - perkara ini perlu diberikan perhatian terutama sekali dalam memastikan pelaksanaan strategi dan pencapaian Key Performance Indicators (KPIs) serta dalam pengurusan projek ke arah memantapkan ekonomi negara dan memastikan tidak ada

pembaziran dalam sumber tenaga manusia serta kewangan," kata Yang Berhormat lagi.

MTIC juga terang Yang Berhormat, telah pun mengenal pasti dan menilai perkara-perkara yang boleh mengancam keberkesanan kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk menjalankan perannya serta mencapai objektif pelan-pelan strategik mahupun hasrat Wawasan 2023.

Pada masa ini tambah Yang Berhormat, sebanyak 23 risiko telah dikenal pasti dan setiap satu akan memerlukan pelan mitigasi atau pelan tindak balas untuk menanganinya, dan ia juga akan di'review' dari semasa ke semasa.

Perkara-perkara yang perlu ditangani menurut Yang Berhormat, sangat meluas dan di antaranya adalah perkara yang berlaku *in the background* yakni di luar pandangan orang ramai, yang mana sebahagian daripadanya adalah terdiri daripada memastikan keselamatan dan sekuriti aset dan petugas; ancaman siber; penyediaan sistem pengangkutan awam yang berkesan dan mampan; gangguan kepada perkhidmatan rangkaian; ketidakcukupan sumber tenaga manusia dalam jawatan kritikal; penyelenggaraan peralatan kritikal dan penting; keberkesanan di dalam melaksanakan penguatkuasaan dan pengawalseliaan; dan cabaran untuk mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan strategi-strategi di bawah pelan-pelan strategik MTIC.

"Di samping perkara-perkara yang memerlukan perhatian selanjutnya. Alhamdulillah, terdapat juga banyak pencapaian yang telah dihasilkan dan membanggakan. Ini insyaaAllah

**Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

juga akan dikongsikan di dalam penerangan mengenai MTIC 2025 nanti. Makluman mengenai juga terkandung di dalam poster-poster dan pameran-pameran yang telah disediakan.

"Contohnya adalah seperti peningkatan ke atas peratus penduduk Negara Brunei Darussalam telah mendapatkan akses kepada internet melalui *broadband*, Brunei Content Festival (BCF) 2022 yang julung kalinya diadakan telah dianjurkan oleh AITI bagi menggalakkan penyertaan tempatan dalam perkembangan industri penyiaran dan pembuatan kandungan (*content creation*)," jelas Yang Berhormat.

AITI juga terang Yang Berhormat, telah memperkenalkan Skim Productivity and Efficiency Joint Funding for Digital Adoption (PENJANA) pada awal tahun 2022, dan Brunei ICT Industry Competency Framework (BIICF) melalui AITI juga telah dilancarkan pada Ogos 2022 yang berfungsi sebagai panduan yang komprehensif bagi pekerjaan industri ICT.

Manakala jelas Yang Berhormat, Cyber Security Brunei (CSB) juga memfokuskan ke arah peningkatan keupayaan penyelidikan dan pembangunan termasuk penyelidikan akademik dalam bidang Fourth Industrial Revolution serta bidang-bidang yang berkaitan dengan keselamatan siber, melalui ITPSS iaitu I.T Protection Security Services.

Perkhidmatan-perkhidmatan di bawah CSB iaitu BruCERT, Cyberwatch Centre (CWC) dan Makmal Forensik Digital

Kebangsaan (National Digital Forensic Laboratory NDFL) kata Yang Berhormat, telah mendapat persijilan ANSI National Accreditation Board (ANAB) dan juga ISMS ISO 27001 Certification.

Menyentuh mengenai usaha meningkatkan kualiti sistem pengangkutan bas awam di negara ini Yang Berhormat menyatakan, Projek Rintis Sistem Maklumat Bas Penumpang iaitu Bus Passenger Information System juga telah diperkenalkan.

Dari segi penyediaan perkhidmatan kaji cuaca yang berkualiti untuk navigasi udara tambah Yang Berhormat, MTIC juga menitikberatkan terhadap keperluan peningkatan keupayaan dan kompetensi pegawai-pegawai melalui kursus pensijilan.

Bagi menyokong pembangunan bakat maritim kata Yang Berhormat, satu Rangka Kerja Kecekapan Maritim (Maritime Competency Framework), yang berfungsi sebagai panduan untuk pembangunan bakat maritim di Negara Brunei Darussalam juga telah diperkenalkan.

"Dalam hubungan ini, kementerian ini akan sentiasa memastikan strategi yang dirancang akan sentiasa *direview* bagi memastikan ia seiring dengan perubahan masa serta sentiasa dikemas kini untuk sejajar dengan hasrat dan visi kementerian ini untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Pintar Terhubung iaitu Connected Smart Nation bagi mencapai Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat lagi.

Teliti pelbagai isu, cabaran Sektor Pengangkutan, Infokomunikasi



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Seramai 18 Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, pagi tadi mengadakan Perjumpaan Muhibah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama Ahli-ahli MMN bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, di sini.

Mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli MMN ke Perjumpaan Muhibah tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Bagi memberkati majlis pada pagi ini, sesi Perjumpaan Muhibah diawali dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Surau

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohamad Ashraf Bin Haji Bujang.

Seterusnya, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan diikuti dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dalam ucapan balasnya antara lain berharap agar perbincangan tersebut dapat memastikan bahawa semua pihak memiliki kefahaman yang sama tentang isu-isu yang akan dibahas dalam MMN nanti, dan juga dapat memfasilitasi perbincangan dan perundingan yang lebih efektif.

Yang Berhormat turut memberi kepujian kepada AITI yang memberi contoh yang baik pada muka hadapan digital (laman web)

perkhidmatan kerajaan yang mana menunjukkan kreativiti, mesra, menarik dan mudah diakses.

"Saya sangat berharap bahawa laman web jabatan-jabatan kerajaan yang lain dapat mengambil contoh dan momentum seperti ini tidak akan berakhir di sana," ujarnya lagi.

Ahli-ahli MMN seterusnya diberikan taklimat yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Rombongan Ahli-ahli MMN juga berkesempatan melawat pameran mengenai visi, misi, pencapaian serta perancangan Jabatan dan Pihak Berkuasa masing-masing.

Di ruang legar lain, Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberikan taklimat berkaitan dengan aplikasi rintis Sistem Maklumat Bas Penumpang

yang memberikan maklumat kepada pengguna mengenai pergerakan dan kedudukan bas awam secara *real-time*.

Perjumpaan Muhibah tersebut merupakan forum perbincangan tahunan yang mana sesi kali ini bertujuan untuk bertukar-tukar buah fikiran secara terbuka mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi terutama sekali pasca pandemik COVID-19 dan kepesatan teknologi digital yang sedia ada.

Sesi berkenaan juga berpeluang untuk meneliti pelbagai isu dan cabaran yang berkaitan dengan Sektor-sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi, meninjau pencapaian - pencapaian kementerian serta perancangan strategik yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan.

Di samping itu, Perjumpaan

Muhibah itu juga adalah salah satu wadah bagi pihak MTIC untuk saling mengenali dan mengeratkan hubungan silaturahim bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN selain meningkatkan kerjasama bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir dalam sesi Perjumpaan Muhibah tersebut ialah Setiausaha Tetap (Infokomunikasi); Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan); Pengarah-pengarah Bahagian; Ketua-ketua Jabatan; Ketua-ketua Eksekutif Pihak Berkuasa; Pesuruhjaya Interim bagi Cyber Security Brunei (CSB) serta Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai-pegawai MTIC.



SUASANA Perjumpaan Muhibah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama Ahli-ahli MMN bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC (atas kiri dan atas).

...Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023...

BENDERA BESAR BERKIBAR MEGAH DI IBU NEGARA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara yang menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 (kanan dan atas).



>> Muka 1

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Mohd. Hasnal bin Haji Mohamad.

Majlis seterusnya menyaksikan anggota Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Pembawa Bendera yang terdiri dari Pasukan Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) berarak masuk bagi penyerahan dan penerimaan Bendera Besar NBD daripada tetamu kehormat.

Penyempurnaan Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan Koir yang dianggotai oleh 39 pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan termasuk para belia serta diiringi oleh Pancaragam PPDB.

Majlis tersebut juga dimeriahkan dengan persembahan dua buah Lagu Patriotik, 'Berkibarlah Bendera' dan 'Bendera Negaraku' bersama kibaran bendera kecil.

Upacara diakhiri dengan penyampaian bendera-bendera negara bersaiz sederhana dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023 kepada Pegawai-pegawai Daerah bagi keempat-empat daerah.

Dengan berkibarnya bendera besar negara, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengibarkan bendera bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023 di rumah kediaman masing-masing dan

bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai hari ini hingga 25 Februari 2023.

Pengiran-Pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan

bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula hendaklah mengibarkan Bendera NBD.

Setiap bendera yang dikibarkan hendaklah mengikut peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera tersebut dalam keadaan baik, tidak pudar warnanya dan tidak koyak.



SEKITAR Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara yang berlangsung di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas, kiri dan bawah).



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohammad Hasif Matzin

...Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023...



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara (DBM) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Bagi menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023, Upacara Menaikkan Bendera dan Pengagihan Bendera diadakan di keempat-empat daerah secara serentak hari ini.

Di Daerah Brunei dan Muara (DBM), Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera NBD diadakan di Jabatan DBM, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti tetamu kehormat menyerahkan bendera negara kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) untuk dinaikkan dengan diiringi Lagu Kebangsaan NBD.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat turut menyempurnakan pengagihan bendera-bendera dan sijil penghargaan kepada para penghulu-penghulu kampung, persatuan-persatuan NBD, pihak-pihak swasta dan badan bukan kerajaan.

NBD akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39 dengan acara kemuncak akan berlangsung pada 23 Februari 2023 di mana tema sambutan pada tahun ini ialah

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

'Menjayakan Wawasan Negara'.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung DBM, wakil Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan

Rekreasi.

Juga hadir, Dewan Perniagaan Melayu Brunei, Dewan Perniagaan Tiong Hwa, Dewan Perniagaan India, Persatuan-persatuan NBD, Pegawai Eksekutif Datastream Digital DST, Pegawai Perhubungan Progresif Cellular Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., Persatuan Bank-Bank, Royal Brunei, Persekutuan Pengakap, Persatuan Pandu Puteri serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan DBM.



DI DBM, Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera NBD diadakan di Jabatan DBM (kiri dan kanan).

Daerah Tutong

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023, bagi Daerah Tutong diadakan hari ini bertempat di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa dipimpin oleh Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Awang Abdul Raqib bin Haji Awang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Rombongan pembawa bendera negara diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin yang

kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk upacara menaikkan bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Turut serta dalam acara tersebut ialah anggota-anggota Pasukan Kadet Tentera daripada Sekolah Menengah Muda Hashim, Ma'had Islam Brunei, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Sekolah Menengah Tanjong Maya, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SMSB) dan juga Pasukan Kadet Polis daripada Ma'had Islam Brunei dan Pasukan Pengakap SMSB.

Majlis juga disemarakkan dengan lagu 'Bendera Negara' oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada SMSB.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara

kepada penghulu-penghulu mukim, ketua kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Juga hadir pada majlis tersebut, Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung.

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 (kanan). Manakala gambar-gambar bawah, suasana upacara yang berlangsung di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.



...Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023...

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Hamzah Mohidin

TEMBURONG, Khamis, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 bagi Daerah Temburong diadakan di Kawasan Dermaga Pekan Bangar, pagi tadi.



PPDB semasa menaikan bendera tersebut.

Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim hadir selaku tetamu kehormat majlis pada upacara berkenaan.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pemangku Imam Balai Ibadat Kampung Sibut, Awang Khairulrizan bin Ibrahim dan diikuti dengan Majlis Penyerahan Bendera NBD daripada tetamu kehormat majlis kepada Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera NBD yang diiringi oleh Lagu Kebangsaan dan disusuli dengan lagu 'Bendera Negara' dan 'Brunei Bumi Bertuah'.

Acara diteruskan lagi dengan penyerahan Bendera NBD kepada Pemangku Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Cawangan.

Bermula hari ini, berkibarnya bendera NBD di seluruh pelokok daerah.

Bagi Pengiran-pengiran dan Orang Yang Bergelar hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka di rumah kediaman masing-masing. Manakala bagi orang ramai, bangunan-bangunan kerajaan dan premis-premis perniagaan hendaklah mengibarkan bendera NBD di tempat masing-masing bermula pada hari ini sehingga 25 Februari 2023.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili, selaku Pengerusi Majlis; Ketua-ketua Cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong; Pemangku Penghulu-penghulu Mukim;

Daerah Temburong

Ketua-ketua Kampung; Pemangku jempunan khas, persatuan- persatuan dan NGO's.



PEGAWAI Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat majlis menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.



PERSEMBAHAN koir daripada para pelajar.

Daerah Belait

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

KUALA BELAIT, Khamis, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023, bagi Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait, di sini.

Hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Majlis dimulakan dengan kehadriran pembawa bendera negara iaitu Penolong Pegawai Daerah Belait, Mohammad Yassin

bin Haji Ahmed, disambut oleh penuntut yang memegang bendera terdiri dari Kadet Tentera dan Kadet Polis dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatull Bolkiah dan Maktab Anthony Abell.

Sebaik sahaja rombongan tiba, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin, bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-39 mendapat keberkatan



NYANYIAN daripada Kumpulan Koir, Pusat Tingkatan Enam Belait.

dan rahmat dari-Nya.

Pemangku Pegawai Daerah Belait seterusnya menyerahkan bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan Kuala Belait untuk dinaikkan.

Upacara Menaikkan Bendera Negara diiringi dengan Lagu 'Allah Peliharakan Sultan' dan seterusnya diikuti dengan Persembahan Lagu 'Bendera Negara' dari Kumpulan Koir, Pusat Tingkatan Enam Belait.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera-bendera NBD kepada penghulu dan Pemangku-pemangku Penghulu Mukim di Daerah Belait serta wakil dari persatuan-persatuan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini secara individu dalam sama-sama meraikan Sambutan Hari Kebangsaan NBD ialah mengibarkan Bendera Kebangsaan NBD di halaman rumah masing-masing, iaitu sebagai simbol patriotik kepada negara dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menurunkannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

Turut hadir, Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Daerah Belait, Penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, pihak-pihak swasta serta ahli-ahli persatuan. Upacara Menurunkan Bendera akan diadakan pada 25 Februari 2023.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaikkan.



UPACARA Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023, bagi Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait.

...Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023...

Zon 4 Penghulu Mukim dan Ketua Kampung DBM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Februari. - Acara menaikkan dan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) perlu kita laksanakan sebagai tanda kita menyanjung tinggi kedaulatan negara yang merdeka dan rasa cinta kita terhadap negara.

Demikian antara temu bual bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin selaku Penghulu Mukim Lumapas pada Majlis Menaikkan dan Mengibarkan Bendera NBD bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyerahkan bendera untuk dikibarkan.

Mukim-Mukim Zon 3 : Mentiri, Serasa dan Kota Batu

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MENTIRI, Jumaat, 17 Februari. - Demi mengukuhkan semangat patriotik dan cintakan negara, Upacara Menaikkan Bendera

sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 turut diadakan oleh pelbagai pihak termasuk sektor Kerajaan,



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyerahkan bendera negara kepada Alumni PKBN untuk dinaikkan.



bertempat di ruang letak kereta Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, hari ini.

Yang Berhormat Awang Amran seterusnya berkata, melalui acara itu juga memberikan semangat kepada masyarakat khususnya kaum belia untuk lebih bertanggungjawab dalam sama-sama menjaga kedaulatan serta menanai tugas dalam meningkatkan kemajuan negara bagi mencapai Wawasan Brunei

2035.

Acara yang dihasrat dapat meningkatkan semangat patriotisme bagi Zon 4 Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara itu dikendalikan secara kolaborasi Mukim Zon 1 dan 2 Kampong Ayer bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid berkenaan.

Penyerahan bendera diserahkan oleh Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid kepada Yang

Berhormat Awang Amran bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Bagi memohon keberkatan majlis, Doa Selamat dipimpin oleh Mohammad Ahmed Haasyer bin Haji Samry.

Juga hadir, penghulu, pemangku penghulu dan para ketua kampung serta AJK Takmir Masjid dan Guru-guru Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid berkenaan.



PARA belia semasa menaikkan bendera negara.

Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ANGGEREK DESA, Jumaat, 17 Februari. - Mengibarkan bendera kebangsaan pada hari-hari kebesaran merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilakukan serta menjadi satu panggilan yang dinanti-nantikan dan disemarakkan.

Sehubungan itu, bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Tahun ini, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara di pekarangan Ibu Pejabat Persatuan berkenaan di Kampung Anggerek Desa.

Upacara menaikkan bendera diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim.

Upacara seumpama ini merupakan salah satu aktiviti yang melibatkan penyertaan PPPBD setiap tahun, bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotik khususnya dalam kalangan ahli-ahli persatuan yang merupakan antara tunjang ke arah menjayakan wawasan negara iaitu Wawasan Brunei 2035.



PERSATUAN Pandu Puteri Brunei Darussalam mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 (atas dan bawah).



swasta dan persendirian.

Mukim-Mukim Zon 3 juga tidak ketinggalan mengadakan upacara yang sama pagi tadi bertempat di kawasan Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri.

Mukim-Mukim Zon 3 terdiri daripada Mukim Mentiri, Mukim Serasa dan Mukim Kota Batu yang mana upacara tersebut dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Mentiri.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa oleh Imam Masjid Hassanal Bolkih, RPN Kampung Mentiri, Awang Abdul Salam bin Salim.

Semasa upacara itu, Bendera Negara telah dibawa oleh Kumpulan Pacuan 4 Roda yang seterusnya menyampaikan kepada Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Ibrahim juga Ketua Kampung Sungai Buloh dan kemudian menyerahkan kepada Yang Berhormat Awang Lawi dan seterusnya menyerahkan kepada seramai 16 Alumni PKBN yang menaikkan bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan.

Acara diakhiri dengan perlepasan sebanyak 10 buah konvoi yang membawa bendera terdiri dari Kumpulan Pacuan 4 Roda melintasi jalan-jalan dan kampung-kampung di Mukim-Mukim Zon 3.

Turut hadir, Penghulu dan Pemangku Penghulu Mukim Zon 3, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung serta Ahli-ahli MPM dan Kampung juga penduduk-penduduk kampung.

UPACARA Menaikkan Bendera di kawasan Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri.

...Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023...



NAIB Canselor UBD semasa menyerahkan bendera kepada Platon Kadet Tentera UBD bagi Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

TUNGGU LINK, Khamis, 16 Februari. – Universiti Brunei Darussalam (UBD) petang tadi mengadakan Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



RA'ES KUPU SB semasa menyerahkan bendera bagi Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) petang tadi mengadakan Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 yang berlangsung di hadapan Bangunan Pentadbiran kolej universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Turut hadir, para pegawai utama, para pegawai dan kakitangan, para pensyarah serta mahasiswa/i KUPU SB.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Asmaul Husna dan Surah Al-Fatihah oleh ahli Exco Beruniform dan Logistik Sesi 2022/2023, Awang Mohd Hafizul bin Haji Affindi.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan penyerahan bendera besar NBD oleh Ra'es KUPU SB kepada Staf Sarjan Kadet Tentera KUPU SB, Amir Hamzah bin Zulkifli.

Majlis disusuli dengan upacara menaikan bendera, nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan laungan 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Awang Abdul Azim bin Ardi.

Acara juga diserikan dengan upacara perbarisan lalu yang terdiri daripada pembawa bendera besar, Majlis Perwakilan Pelajar, pasukan beruniform termasuk pasukan kadet tentera, pasukan kadet polis, pasukan kadet bomba, pasukan pengakap, pasukan bulan sabit merah, pandu puteri dan para pelajar KUPU SB.

Upacara menaikan bendera yang diadakan adalah antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 Tahun dengan menanamkan semangat patriotik dan rasa cinta terhadap tanah air serta mengukuhkan falsafah Melayu Islam Beraja dalam kalangan para pelajar dan seluruh warga KUPU SB.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 bagi tahun 2023.

Majlis berkenaan diadakan di hadapan Bangunan Dewan Canselor, UBD, di sini dan dihadiri oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, warga UBD terdiri daripada para pegawai utama, kakitangan dan mahasiswa-mahasiswi UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan penyerahan bendera NBD oleh tetamu kehormat majlis kepada Ahli-ahli Platon Kadet Tentera UBD bagi acara menaikan bendera dengan diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan nyanyian Lagu Patriotik 'Berkibarlah Bendera' diketuai oleh Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar UBD dan Kelab Koir serta warga UBD.

Semasa majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis turut menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja kepada Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021 hingga 2022 dan badan-badan pelajar UBD.

Acara tahunan berkenaan diungkuhkan oleh Bahagian Hal

Universiti Brunei Darussalam



AHLI-ahli Platon Kadet Tentera UBD menaikan bendera dengan diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Ehwal Pelajar UBD, dengan tujuan untuk menanamkan rasa kecintaan terhadap tanah air, iaitu NBD dan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga UBD.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi mendukung hasrat murni dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD bagi pembangunan dan kesejahteraan negara, sebagaimana yang dipegang di dalam Wawasan Brunei 2035, dan selaras dengan tema Sambutan Hari Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD pada tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR UNISSA semasa menyerahkan bendera kebangsaan untuk dinaikkan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) hari ini turut sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 dengan Upacara Menaikkan Bendera Negara yang diadakan di Kawasan Letak Kereta Zon 'A', UNISSA, di sini.

Hadir bagi sama-sama menjayakan majlis tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Upacara Menaikkan Bendera Negara tersebut didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan perbarisan lalu terdiri daripada Pasukan Beruniform UNISSA; Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Pasukan Kadet Bomba, Persekutuan Pengakap

Kelana 1102 dan Pasukan Bulan Sabit Merah.

Sebelum Upacara Menaikkan Bendera, Rektor UNISSA memeriksa barisan Pasukan Beruniform UNISSA dan

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

seterusnya menyerahkan bendera kebangsaan kepada Kadet Tentera 91378 Sarjan Kadet Tentera Muhammad Ridhwan Shabri bin Suhaini selaku Ketua Pasukan Perbarisan.

Seterusnya Upacara Menaikkan Bendera diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh warga UNISSA dan diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh 91408 Soldadu Kadet Tentera, Muhammad Hassanuddin bin Sahirol.

Antara tujuan upacara ini diadakan adalah untuk menanamkan semangat patriotik khususnya dalam kalangan warga UNISSA agar dapat memupuk rasa cinta kepada tanah air dan menjiwai kesedaran bernegara dalam memikul tanggungjawab untuk memajukan NBD khususnya sebagai sebuah institusi pendidikan Islam tulen demi menyahut tema Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, pegawai-pegawai, kakitangan dan mahasiswa serta mahasiswa UNISSA.



UPACARA Menaikkan Bendera Negara yang diadakan di Kawasan Letak Kereta Zon 'A', UNISSA.

DOA KESYUKURAN, MEMBACA SURAH YAA SIIN SEMPENA PUJA USIA DPMM



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Membaca Surah Yaa Siin sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UBD, Pro Canselor UNISSA dan Pro Canselor UTB Ke-49 Tahun (atas kiri), manakala gambar atas kanan dan bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Membaca Surah Yaa Siin sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UBD, Pro Canselor

UNISSA dan Pro Canselor UTB, Ke-49 Tahun. Majlis berlangsung di Masjid UBD, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh. Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan; Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; dan Naib Canselor UTB, Profesor Datin Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman. Hadir sama, Timbalan

Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan; Pengarah / Ketua Bahagian Jabatan-jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan; serta Ahli-ahli Eksekutif Universiti, para tenaga akademik, pegawai, kakitangan, serta mahasiswa dan mahasiswi UBD, UNISSA dan UTB. Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah pada majlis berkenaan diimamkan oleh Imam Masjid UBD, Mohammad Amirul Rahmad bin Haji Mohammad, yang juga mengetuai bacaan Surah Yaa Siin. Manakala, bacaan Doa Kesyukuran pula diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dan Ketua Imam Masjid UBD,

Mohamad bin Haji Bagol. Majlis Doa Kesyukuran dan membaca Surah Yaa Siin berkenaan merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh ketiga-tiga universiti berkenaan.



Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DPMM



MAJLIS Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dihadiri oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pertahanan (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BOLKIAH GARISON, Khamis, 16 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri meraikan Hari Puja Usia pada tanggal 17 Februari

setiap tahun. Sehubungan itu, Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-49 pada tahun ini bagi peringkat Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diadakan dengan

tumpuan utama di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, hari ini. Majlis Doa Kesyukuran berkenaan dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir. Juga hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan,

seluruh peringkat kepimpinan serta warga Kementerian Pertahanan dan ABDB. Adapun majlis tersebut diadakan secara serentak di seluruh surau di perkhemahan, pangkalan dan garison ABDB termasuk Masjid Pulau Baru-Baru menerusi pendekatan Whole-of-Ministry. Majlis Doa Kesyukuran dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan

Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-49 Tahun dipimpin oleh Pegawai Turus Gerakan Agama di Jabatanarah Agama ABDB, Mejar Abdul Mujib bin Japar. Selepas itu, majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Imam Surau Ad-Difa', Mohd. Khairul Azmi bin Haji Salleh.

DOA KESYUKURAN MEMPERINGATI PUJA USIA DPMM

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran serta Solat Hajat bertempat di Surau Polis Gadong, PPDB (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

GADONG, Khamis, 16 Februari. - Bersempena dengan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-49 Tahun, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran serta Solat Hajat bertempat di Surau Polis Gadong, PPDB pada hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin serta para Pengarah, Timbalan Pengarah, para

Pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi, para Pegawai Kanan, anggota Serta kakitangan PPDB.

Majlis yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlii

dan seterusnya Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, Apo Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar dan Diakhiri dengan Solat Asar Berjemaah.

Maktab Duli PMHAMB adakan Doa Kesyukuran



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Maghrib dan Isyak Berjemaah, Solat Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-49 Tahun.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Khamis, 16 Februari. - Maktab Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (Maktab Duli PMHAMB) hari ini mengadakan Majlis Sembahyang Maghrib dan Isyak Berjemaah, Solat Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-49 Tahun.

Majlis yang dihadiri hampir 200 orang itu diadakan di Student's

Learning Service Centre (SLSC), Maktab Duli PMHAMB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Maghrib dan Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Pensyarah Usuluddin, Jabatan Pengajian Islam Maktab Duli PMHAMB, Syed Mohsen bin Syed Abdulrahman Alkaff.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Jabatan Pengajian Islam, Maktab Duli PMHAMB, Pengiran Shahmirul

Kamal bin Pengiran Haji Rahim.

Acara diakhiri dengan Sembahyang Isyak Berjemaah.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan dari Kementerian Pendidikan; Pengetua Maktab Duli PMHAMB, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad; Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayangku Zalina binti Pengiran Haji Aliuddin; Timbalan Pengetua Akademik, Dr. Mohd Zamri bin Haji Ismail; para pegawai dari Kementerian Pendidikan serta para tenaga pengajar dan pelajar Maktab Duli PMHAMB.

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING: Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

- #1** Format fail yang betul
PDF: Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen
JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)
- #2** Saiz fail tidak melebihi 3MB
- #3** Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna
- #4** Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



METERAI KERJASAMA KE ARAH INDUSTRI LEBIH AKTIF

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Khamis, 16 Februari. - Kemunculan teknologi digital sejak beberapa tahun kebelakangan ini mengakibatkan perubahan dramatik dalam sifat pekerjaan dan cara kita melaksanakan tugas.

Menurut kajian bersama antara Oxford Economics dan CISCO, sepanjang dekad yang akan datang, peningkatan penggunaan teknologi digital akan memerlukan anggaran 6.6 juta pekerja di ASEAN untuk menyesuaikan diri dengan kemahiran mereka dan menempa laluan kerjaya baharu untuk kekal bekerja secara produktif.

Sehubungan itu, ia adalah lebih penting untuk sektor swasta dan penyedia pendidikan, termasuk penyedia Skim Technical and Vocational Education and Training

(TVET) untuk sentiasa bekerjasama rapat.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, hari ini, semasa Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara SEAMEO VOCTECH dan ASEAN Future Workforce Council (AFWC) bertempat di Dewan Seri Kerna, SEAMEO VOCTECH, di sini.

Menurutnya, sesungguhnya kerjasama sedemikian adalah kunci untuk mencapai tenaga kerja yang berkualiti kerana ia membolehkan pelatih memperoleh kemahiran yang diperlukan dan mengurangkan kemungkinan berlaku ketidakpadanan kelayakan.

>> Muka 19



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara SEAMEO VOCTECH dan ASEAN Future Workforce Council (AFWC) bertempat di Dewan Seri Kerna, SEAMEO VOCTECH.

HALUAN

>> Muka 2

Dalam menangani masalah ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah memindahkan 62 pemilik yang rumah mereka telah mengalami kerosakan, kepada rumah yang telah dibaik pulih dan yang berkeadaan lebih baik di kawasan Perumahan Negara Panchor yang sama, dan juga di rumah tumpang sementara di RPN Lambak Kanan.

Jabatan Kemajuan Perumahan juga telah membaik pulih rumah, beberapa infrastruktur termasuk jalan raya, membina semula longkang rosak, menaik taraf saliran dengan membina *culvert* dan *sump* baharu bagi mengurangkan masalah banjir, dan membuat penyelenggaraan kawasan perumahan melalui kontrak berprestasi.

Dalam usaha bagi mengurangkan pergantungan sepenuhnya kepada kerajaan, Jabatan Kemajuan Perumahan juga sedang meneroka kaedah-kaedah alternatif yang bersesuaian seperti berikut :

- 1) Meneroka pembiayaan alternatif melalui Public-Private Partnership atau sukuk;
- 2) Cadangan bagi Skim Pemaju Perumahan (Developer's Scheme);
- 3) Mengoptimum penggunaan rumah kosong / terbiar seperti BSP Housing.

iii) Perkhidmatan Air

Pada masa ini, 100 peratus penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai akses kepada air yang bersih dan ini adalah termasuk penduduk di kawasan pedalaman yang mana ianya dibekalkan dengan air bersih dari sungai melalui rawatan menggunakan kaedah *protopak slow sand filtration*.

Kaedah ini sesuai digunakan disebabkan akses jalan raya ke kawasan pedalaman adalah terhad. Penduduk pedalaman yang dimaksudkan adalah Kampung Belabau 2, Kampung Mapol, Kampung Takalit di Daerah Tutong dan Kampung Melilas di Daerah Belait.

Dari segi rawatan air, NBD mempunyai lapan loji rawatan air dan keseluruhan penghasilan air bersih dari loji-loji tersebut adalah sebanyak 451 juta liter sehari (MLD - Million Liters Per Day).

Selepas rawatan dan

pembersihan di loji, air bersih dihantar melalui paip-paip utama dan tangki-tangki pembahagian, dan seterusnya melalui paip-paip pembahagian ke kampung-kampung dan ke rumah-rumah. Sebagai contoh, Loji Rawatan Air Bukit Baru dan Layong yang terletak di Daerah Tutong membekalkan lebih 90 peratus dari keperluan Daerah Brunei dan Muara. Rangkaian paip-paip bagi kawasan tersebut adalah sangat meluas yang memerlukan pemeliharaan yang rapi.

Jabatan Perkhidmatan Air sentiasa berusaha untuk memastikan rangkaian pembekalan air bersih di NBD adalah di tahap yang optimum melalui program-program operasi dan pemeliharaan yang telah dirancang.

Ini termasuk program menaik taraf loji-loji rawatan air dan program penggantian paip-paip lama dengan paip baharu mengikut keutamaan dan peruntukkan di bawah RKN.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa masalah gangguan bekalan air, gangguan tekanan air rendah dan kualiti air yang tidak memuaskan masih berlaku di beberapa tempat dan kawasan terutama sekali di beberapa tempat di Daerah Brunei dan Muara.

Ini adalah disebabkan jumlah kerosakan paip-paip air yang tinggi disebabkan tanah susur, aktiviti pembangunan serta aset yang kurang berkesan (*reduced efficiency*) di loji rawatan air dan stesen pam air (*reduced water production*).

Bekalan air kuning juga sering dialami disebabkan kesulitan merawat kualiti air sungai yang berubah yang berpunca daripada perubahan cuaca seperti hujan berpanjangan, banjir serta *effluent / discharge* daripada aktiviti pembangunan yang mengubah kualiti air sungai.

Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh jabatan adalah termasuk kerja-kerja pembersihan tangki-tangki simpanan air, kerja-kerja *flushing* terutama di penghujung rangkaian, kerja-kerja pemeliharaan tangki penapisan, kolam penjernihan, dos kimia dan pam-pam di loji rawatan air berfungsi dengan baik.

Jabatan Perkhidmatan Air juga telah melaksanakan beberapa kajian bagi meningkatkan tahap

keberkesanan keseluruhan rangkaian bekalan air bersih, serta untuk mendapatkan penambahbaikan dalam menangani masalah dan cabaran yang dihadapi.

Selain daripada itu, pada bulan Oktober yang lalu, kerajaan telah memperkenalkan Unified Smart Metering System (USMS), yang dianugerahkan kepada DST Network Sdn. Bhd., di mana ianya menggabungkan Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Berakas Power Company sebagai pelanggan projek (*project customer*) ini.

Solusi sistem ini mewujudkan platform digital dan menggunakan modul prabayar bagi perkhidmatan air dan elektrik untuk seluruh negara. Dengan penggunaan sistem meter pintar, orang ramai bukan saja boleh mengurus bil elektrik mereka tetapi juga boleh mengurus bil air melalui modul yang sama dengan menggunakan akaun pelanggan masing-masing. Sehingga 22 Disember 2022, sebanyak 843 meter pintar telah pun dipasang.

iv) Mitigasi Banjir

Bagi menangani isu-isu banjir di negara ini, menaik taraf sistem saliran air, pembedungan dan pemeliharaan persisiran pantai dan tebing-tebing sungai adalah menjadi salah satu fokus Kementerian ini melalui Jabatan Saliran dan Pembedungan.

Melalui projek-projek yang telah dilaksanakan bermula semasa RKN Ke-5, kerajaan telah berhasil mengurangkan kawasan berisiko banjir daripada 465 kilometer persegi (pada tahun 1984) kepada 289 kilometer persegi melalui projek-projek RKN Ke-11.

Menjelang tahun 2035, pihak kerajaan akan terus memfokuskan kepada usaha pengurangan kawasan mudah banjir ini kepada 162 kilometer persegi melalui projek-projek yang dirancang di bawah RKN Ke-12, 13 dan 14.

v) Jalan Raya

Berhubung dengan isu-isu menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur jalan-jalan raya di negara ini, kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan-jalan raya adalah dirancang mengikut keutamaan, dengan memberi prioriti kepada pelaksanaan kerja-kerja yang bertahap kritikal dan memberikan manfaat secara

keseluruhan.

Berbagai program pemeliharaan jalan raya juga dijalankan melalui peruntukan jabatan dan RKN 11, termasuklah kerja-kerja melapis semula, menaik taraf dan membaik pulih aset jalan raya (lebuhraya, jalan utama, jalan kampung dan jalan simpang) serta jambatan yang sedia ada.

Antara jalan-jalan yang sedang dan dalam perancangan untuk dibaik pulih adalah seperti Jalan Tanjong Maya, Daerah Tutong dan juga Jalan Rasau - Sungai Tujoh, Daerah Belait.

Penyediaan jejambat (*flyover*) di persimpangan-persimpangan utama juga merupakan antara fokus Kementerian ini, yang mana Pembinaan Jejambat Kampung Lugu di persimpangan Perumahan Negara Kampung Lugu / Lebuhraya Muara - Tutong telah pun siap dan dibukakan kepada para pengguna pada awal tahun 2022 yang lalu.

Selain daripada itu, pembinaan jejambat kesinambungan kepada Jalan Penghubung Tanah Jambu sehingga Jalan Utama Mentiri yang dijangka untuk siap sepenuhnya pada tahun 2023. Projek ini dihasratkan untuk menyediakan jalan pintas bagi para pengguna jalan raya menuju ke Daerah Temburong daripada Lebuhraya Muara - Tutong, melalui Jalan Utama Tanah Jambu, Jalan Utama Mentiri, Jalan Kota Batu dan Jambatan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin nanti.

Dalam pada itu, Kementerian juga akan terus berusaha dalam memastikan mutu jalan raya adalah selamat dan mematuhi piawaian antarabangsa.

vi) Alam Sekitar

Dalam mengesyorkan negara yang bersih, antara cabaran yang perlu ditangani adalah isu-isu kebersihan dan isu-isu pembuangan sampah. Satu Jawatankuasa Induk Kebersihan telah ditubuhkan yang mana dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan.

Jawatankuasa ini akan sentiasa terus berusaha dalam pelaksanaan dasar dan undang-undang, peraturan serta garis panduan dalam mengesyorkan kebersihan negara.

Kadar buangan sisa domestik

di negara ini adalah yang paling tinggi di rantau ini. Bagi mencapai pengurusan sampah yang mampan dan berdaya tahan, menerusi RKN 11, pihak Kementerian pada masa ini dalam proses melantik konsultan bagi projek 'Waste Incineration Plant (Waste to Energy)' sebagai alternatif kepada kaedah pengurusan sampah melalui pusat pelupusan (*landfill*). Dan melalui kaedah ini, pihak Kementerian melalui JASTRe sedang meneliti bagi memperbanyakkan lagi inisiatif serta mengemaskinikan dasar yang menjurus ke arah matlamat sisa sifar (*zero-waste*) sebagai gaya hidup penduduk di negara ini dengan mendorong pendekatan yang lebih *circular* (*circular economy*) di kalangan masyarakat, syarikat-syarikat pembuatan dan juga kerajaan sebagai langkah proaktif.

vii) Urus Tadbir Yang Baik (Good Governance)

Dalam meningkatkan Urus Tadbir Yang Baik (Good Governance), pihak Kementerian akan lebih memberikan tumpuan kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan dan prosedur yang sedia ada secara *compliance* bagi kerja-kerja perolehan (*procurement*) dan pengurusan projek. Ini termasuk memperbaiki proses dalaman bagi mencapai tahap pengurusan yang efektif dan penyampaian perkhidmatan yang cepat.

Ini adalah sedikit sebanyak fokus utama Kementerian yang dapat peramba / kaola / saya dapat sampaikan di dalam permuakharahan pertama kita pada hari ini.

Kementerian ini berharap sokongan padu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat MMN sendiri, yang tentunya berperanan bukan sahaja dalam menyuarakan isu-isu yang dihadapi oleh orang ramai, akan tetapi yang paling penting adalah untuk membawa bersama setiap lapisan masyarakat terutama sekali di peringkat akar umbi dalam merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan yang boleh membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam merealisasikan hasrat Wawasan Negara.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



Pengajaran dari peristiwa Israk dan Mikraj

ayat 13-18 :

Tafsirnya : "Dan demi sesungguhnya dia telah melihat Jibril (dengan rupanya yang asal) sekali lagi. (Iaitu) di Sidratul Muntaha. Di sisi Sidratul Muntaha itu ada Jannah al-Ma'wa. (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melihat Jibril) ketika Sidratul Muntaha itu ditutupi oleh sesuatu yang menutupinya. Penglihatan itu tidak menyimpang (daripada apa yang dilihatnya) dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda kekuasaan Tuhannya yang sangat besar".

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj benar-benar dilalui oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasad Baginda, dalam keadaan sedar dan bukan hanya igauan mimpi semata-mata. Justeru, kita wajib meyakini dengan sepenuh hati bahawa Israk dan Mikraj adalah benar-benar berlaku kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dengan kuasa dan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perkara-perkara yang mengandungi pengajaran dan yang utama sekali ialah mengenai memfardukan ibadat sembahyang lima waktu yang kita tunaikan semata-mata kerana Allah, yakni beribadat kepada Allah yang Maha Esa, tidak menyekutukan-Nya dengan lain.

Sesungguhnya peristiwa Israk dan Mikraj itu mengandungi makna yang mendalam dan mempunyai maksud yang luas dan lebih umum, bukannya hanya satu sejarah agung yang menjadi ristaan sepanjang zaman. Ini merupakan suatu gambaran beberapa aspek penting dalam kehidupan manusia hari ini dan mengandungi pelbagai pengajaran serta contoh tauladan. Antaranya ialah mengenai kepentingan membersihkan atau mensucikan jiwa atau rohani.

Adapun yang dimaksudkan dengan pembersihan rohani di sini ialah dengan taubat. Ini kerana memang menjadi tuntutan dalam agama supaya kita sentiasa bertaubat. Sesungguhnya hukum bertaubat itu adalah wajib. Kita wajib segera bertaubat daripada segala dosa yang telah kita lakukan.

Contohnya orang yang selalu meninggalkan sembahyang fardu lima waktu, orang yang tidak berpuasa pada bulan Ramadan, orang yang pernah mencuri, minum arak dan sebagainya, hendaklah dia segera bertaubat. Tidak boleh dia berkata seperti : "Nantilah kalau sudah tua saya bertaubat". Atau dia berkata, "Nantilah saya bertaubat di depan Kaabah".

Adapun sebab diwajibkan segera bertaubat itu adalah kerana jika dia melalai-lalaikan taubat, ditakuti usia tidak panjang dan dijemput Ilahi sebelum sempat bertaubat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah

At-Tahrim, ayat 8 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan Taubah Nasuha...".

Berdasarkan ayat tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan kita untuk bertaubat dengan taubat yang sebenar-benar taubat, bukannya taubat yang sekadar di mulut sahaja tetapi taubat yang sungguh-sungguh iaitu Taubat Nasuha. Taubat Nasuha itu ada syarat-syaratnya, jika dosa itu antara hamba dengan Tuhan, syaratnya ada tiga :

Pertama : Hendaklah dia meninggalkan dosa atau maksiat yang telah dilakukannya.

Kedua : Hendaklah dia benar-benar menyesali dan berasa dukacita atas perbuatan maksiat itu.

Ketiga : Hendaklah dia berjanji, berazam untuk tidak akan kembali melakukannya.

Manakala jika dosa itu bersangkut paut dengan hak orang lain, maka syaratnya ditambah lagi satu syarat, iaitu hendaklah dipulangkan semula hak orang itu dan meminta maaf kepada orang tersebut.

Selain daripada itu, peranan taubat itu juga merupakan suatu cara untuk kita sentiasa berlingung diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, memohon keberkatan ketika kita memulakan dan membuat sesuatu pekerjaan yang berfaedah dan mengharapkan kurniaan taufik serta diselamatkan daripada ditimpa musibah, kesusahan, kesulitan dan seumpamanya.

Taubat atau penyesalan itu sebaik-baiknya diikuti dengan melakukan Sembahyang Sunat Taubat dan memperbanyakkan lafaz istighfar. Istighfar ini juga sangat digalakkan untuk kita mengamalkan dan melazimkannya pada setiap hari. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Demi Allah, sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan memohon ampun kepada-Nya setiap hari lebih daripada 70 kali". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Oleh yang demikian, segala suruhan dan larangan-Nya yang diperintahkan kepada kita hendaklah kita patuhi. Walaupun sesuatu perkara itu nampak kecil di mata manusia, janganlah diremeh-temehkan. Sesungguhnya melakukan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang oleh syarak itu adalah perkara besar.

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan kejadian gempa bumi yang melanda Turkiye dan Syria. Dalam kejadian yang amat dahsyat itu, ribuan orang telah terkorban, manakala bangunan-bangunan dan kemudahan telah runtuh dan musnah, dan mereka yang terselamat pula kehilangan harta benda, tempat tinggal dan orang yang dikasihi. Takziah kita ucapkan kepada Negara Turkiye dan Syria. Sesungguhnya kita semua milik

Allah Subhanahu Wata'ala dan akan dikembalikan pula kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ada pun bala bencana yang diturunkan adalah sebagai tanda keperkasaan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan tujuan sebagai ujian dan peringatan kepada hamba-hamba-Nya. Pasti kejadian tersebut adalah ujian yang sangat besar buat saudara-saudara kita di sana. Justeru, marilah kita bermuhasabah dan mendoakan kesejahteraan, keselamatan serta perlindungan buat mereka dan juga untuk kita semua agar Allah Subhanahu Wata'ala melindungi dan memelihara kita dari sebarang bentuk kemudaratan dan musibah yang dahsyat. Bayangkan, gegaran begitu sahaja boleh membawa kemusnahan yang sangat besar apatah lagi keadaannya pada hari kiamat dan huru-harunya kelak yang dijanjikan lebih dahsyat lagi. Ini menjadi bukti dan petunjuk betapa lemahnya manusia dan agungnya kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi orang yang beriman, akan menerima ujian yang diberikan dengan penuh keredaan dan kesabaran serta menghadapinya dengan tenang. Sebaliknya mereka yang tidak beriman akan menghadapinya dengan rasa kesusahan dan putus asa. Dalam usaha memberikan bantuan kepada mangsa kejadian gempa bumi tersebut, Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Syria bagi tujuan mengumpulkan derma seangkatan-hati dari seluruh rakyat dan penduduk negara ini untuk disumbangkan kepada mangsa berkenaan.

Sehubungan dengan itu, pihak berkenaan telah pun menempatkan tabung-tabung bantuan di masjid-masjid, surau-sarau, balai-balai ibadat dan tempat-tempat yang telah ditentukan di seluruh negara termasuk sumbangan boleh disalurkan melalui SMS Brunei Prihatin, ia adalah bagi kemudahan rakyat negara ini ikut serta menghulurkan derma mereka. Mudah-mudahan amal yang kita lakukan itu akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan sedikit sebanyak akan dapat meringankan beban kesengsaraan dan penderitaan yang mereka tanggung.

Tafsirnya : "Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan (hanya) berkata "Kami telah beriman" Sedangkan mereka tidak diuji? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah Mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia Mengetahui orang-orang yang berdusta". (Surah Ankabut, ayat 2-3)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Ketika ini kita sedang berada di bulan Rejab, bulan yang terdapat di dalamnya satu peristiwa penting dan bersejarah dalam Takwim Islam iaitu peristiwa Israk dan Mikraj. Peristiwa Israk dan Mikraj adalah merupakan satu tanda kebesaran dan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala yang diperlihatkan kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Tanpa iman yang kukuh di hati, sudah tentu amat sukar untuk diterima akan kebenarannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Isra', ayat 1 :

Tafsirnya : "Maha suci Allah yang telah memperjalankan hambanya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

Lihatlah wahai kaum Muslimin, betapa bernilainya peristiwa ini di dalam Islam sehingga terdapat satu surah di dalam Al-Quran dengan nama Surah Al-Isra'. Ulama bersepakat mengatakan perjalanan agung ini berlaku selepas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dilantik menjadi Rasul dan sebelum Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah dari Mekah ke Madinah. Allah Subhanahu Wata'ala juga telah berfirman tentang peristiwa Mikraj iaitu ketika Baginda naik ke langit, dalam Surah An-Najm,

Meterai kerjasama ke arah industri lebih aktif

>> Muka 18

"Brunei juga sedang berusaha untuk mengukuhkan usaha pendigitalan melalui pelaksanaan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Dengan visi 'Negara Pintar melalui Transformasi Digital', Pelan Induk telah mengenal pasti perkembangan tenaga manusia dan bakat satu teras strategik utama yang perlu dikembangkan untuk memastikan penyertaan penuh penduduk dan tenaga kerja dalam era digitalisasi ini.

"Kesedaran matlamat ini

memerlukan penyertaan ramai pihak berkepentingan termasuk kerajaan, industri dan penyedia TVET untuk mencapai pelaksanaan inovasi digital yang komprehensif di Brunei," terangnya lagi.

Beliau yakin melalui penandatanganan MoU itu, akan membantu negara bergerak selangkah lebih dekat ke arah wawasan Negara Pintar dengan menyediakan tenaga kerja untuk usaha masa hadapan.

Awang Haji Mohammad Nazri berharap agar perkongsian antara SEAMEO VOCTECH dan AFWC akan berfungsi sebagai platform

dalam pertukaran pengalaman, pandangan dan amalan terbaik untuk memperkukuh kualiti TVET di Brunei dan rantau ini.

Acara kemudian diteruskan dengan Majlis Penandatanganan MoU di antara SEAMEO VOCTECH dan AFWC.

Menandatangani bagi SEAMEO VOCTECH ialah Pengarah Pusat SV, Awang Alias bin Haji Abu Bakar dan AFWC pula diwakili Pengerusinya, Yang Berbahagia Dato' Palaniappan Joseph.

Acara kemudian diselenggarakan dengan Majlis Pembukaan Sesi Fokus Perbincangan Kumpulan bagi Projek Penyelidikan

mengenai 'Kesediaan Institusi TVET untuk IR 4.0 di Asia Tenggara' diikuti taklimat disampaikan oleh Pengerusi AFWC.

Terdahulu sebelum itu, Pengarah Pusat SEAMEO VOCTECH dalam ucapan alu-aluannya berkata, penandatanganan MoU ini menandakan kepentingan peranan yang dimainkan oleh industri dan sektor swasta dalam meningkatkan imej TVET selain meningkatkan kualiti dan menepati permintaan. Beliau berharap MoU tersebut akan melahirkan

■ Oleh : Aimi Sani

peranan industri yang lebih aktif dalam menjadikan TVET lebih responsif kepada keperluan pihak berkepentingan dan dalam masa yang sama menyediakan graduan TVET dengan kemahiran teknikal dan pengetahuan yang diperlukan untuk penyertaan berkesan dalam tenaga kerja sama ada di peringkat tempatan atau serantau. Juga hadir menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 26 Rejab 1444H/ 17 Februari 2023M

PENGAJARAN DARI PERISTIWA ISRA' DAN MI'RAJ



ISRA' DAN MI'RAJ

Mengandungi pelbagai pengajaran dan contoh tauladan, antaranya: Kepentingan membersihkan/mensucikan jiwa atau rohani (taubat)

TAUBAT

- ★ Wajib segera bertaubat daripada segala dosa
- ★ Melakukan Sembahyang Sunat Taubat dan memperbanyakkan lafaz Isitighfar
- ★ Taubat Nasuha

TAUBAT NASUHA

Jika dosa itu antara hamba dengan Tuhan, syaratnya ada tiga, iaitu hendaklah dia:

- 1 Meninggalkan dosa/maksiat yang telah dilakukannya
- 2 Benar-benar menyesali dan merasa dukacita atas perbuatan maksiat itu
- 3 Berjanji, berazam untuk tidak kembali melakukannya

Manakala, jika dosa itu bersangkut paut dengan hak orang lain, maka syaratnya ditambah lagi dengan satu syarat, iaitu hendaklah:

- 4 Dipulangkan semula hak orang itu dan meminta maaf kepada orang tersebut

KEJADIAN GEMPA BUMI YANG MELANDA TÜRKIYE DAN SYRIA






Marilah kita bersama-sama:

- Bermuhasabah
- Mendoakan kesejahteraan dan keselamatan mereka
- Memberikan bantuan dan derma kepada mangsa kejadian

TABUNG KEMANUSIAAN GEMPA BUMI REPUBLIK TÜRKIYE DAN REPUBLIK ARAB SYRIA

Penempatan tabung-tabung bantuan di:

-  Masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat,
-  Tempat-tempat yang telah ditentukan di seluruh negara.
-  Melalui SMS Brunei Prihatin



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Salin, transkrip dan pengiraan Markah Kelulusan Pengiraan Kelulusan (PKPK) yang berlesen)
4. Tandakan "..." pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Bilangan / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / letupan letihan / kelulusan profesional dan lain-lain yang dipersempitkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn | www.facebook.com/PSC.BN | www.instagram.com/PSC.BN | www.youtube.com/PSC.BN

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENYELIA KOPERASI D.1-2 EB.3-4-5 (BAHAGIAN IV) 2023/FEB/07	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	02	7(A)	25 FEBRUARI 2023

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANAKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : JBBSB / SH / 2022-2023 / 41 / BKB

Tajuk Tawaran : To Supply And Deliver Backpack Brush Cutter To Bahagian Khidmat Bantu, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



Tarikh Tutup Tawaran : Rabu, 22 Februari 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran : JPCK / JKSH2223-QTN.15 / ADM

Tajuk Tawaran : Supply Labour, Tools, Materials, and Transportation for the Proper Execution and Completion of the Lift Up and Transportation of Loose Furniture and Documents

Tarikh Tutup / Jam : Sabtu, 25 Februari 2023, Jam 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran : Peti Sebut Harga, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Jabatan Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Jawatan Kosong Di New York, Amerika Syarikat

Jawatan Professional Officer, OIC Mission to the United Nations, New York

Tarikh Tutup : 28 Februari 2023

Untuk makluman, pemohon - pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan terus surat permohonan dan curriculum vitae melalui e-mel kepada : vacancy@oic-oci.org



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Penerbitan Iklan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

1. UNISSA / SB0080 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERABOT BAGI KEGUNAAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) KAMPUS GADONG DAN SINAUT TUTONG

2. UNISSA / SB0081 / 2022 / 2023 - PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN BAGI MESYUARAT, MAJLIS, ACARA AKTIVITI ANJURAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) SELAMA SATU (1) TAHUN

Tarikh Tutup Tawaran : Tidak Lewat Rabu, 1 Mac 2023, Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Iklan Jawatan Kosong

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

Jawatan : Head of HR Operations / Business Partnering

Tarikh Tutup : 6 Mac 2023

Kekosongan : 1

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk tatacara permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Jualan Secara Sebut Harga Bagi 1 Lot Harta Benda Kerajaan, 1 Lot Alat-Alat Ganti Kapal Kepunyaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

E-mel : dfa.revenue@mindf.gov.bn
Telefon : +673 2386614

Tarikh Tutup

Penghantaran Borang : Rabu, 6 Mac 2023, Tidak lewat jam 10.00 Pagi



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Penerbitan Iklan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

1. UNISSA / SB0077 / 2022 / 2023 - CHECKING GENERAL SERVICING, REPAIR AND TOP UP VARIES TYPE OF AIR-CONDITIONING UNIT FOR HOSTEL AT UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) GADONG CAMPUS FOR ONE (1) YEAR - [CLASS : 1 AND ABOVE] & [CATEGORY : M01 ONLY - WITH VALID REGISTERED COMPANY AND WORKERS REGISTRATION WITH MOD & DES]

2. UNISSA / SB0078 / 2022 / 2023 - CHECKING GENERAL SERVICING, REPAIR AND TOP UP VARIES TYPE OF AIR-CONDITIONING UNIT AT UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) GADONG CAMPUS FOR ONE (1) YEAR - [CLASS : 1 AND ABOVE] & [CATEGORY : M01 ONLY - WITH VALID REGISTERED



COMPANY AND WORKERS REGISTRATION WITH MOD & DES]

3. UNISSA / SB0079 / 2022 / 2023 - CHECKING GENERAL SERVICING, REPAIR AND TOP UP VARIES TYPE OF AIR-CONDITIONING UNIT AT UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) SINAUT TUTONG CAMPUS FOR ONE (1) YEAR - [CLASS : 1 AND ABOVE] & [CATEGORY : M01 ONLY - WITH VALID REGISTERED COMPANY AND WORKERS REGISTRATION WITH MOD & DES]

Tarikh Tutup Tawaran : Tidak Lewat Rabu, 1 Mac 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : JBBSB / LTK / 2022-2023 / 01 / UPA

Nama Tawaran : Tender For Two (2) Years Daily Cleaning Of Bangunan Pasar Gadong And Surrounding Areas (1 August 2023 Until 31 Julai 2025)

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 21 Februari 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam Bil. 03 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Tudung Untuk Pegawai dan Kakitangan Wanita, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 7 Mac 2023, Jam 2.00 Petang





**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

BCY / CP / 116 / 2009

BAIDURI Bank Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Zaimah binti Abdullah
(BYIC No. 30-201574)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **1 Julai 2010** telah dibatalkan pada **24 Disember 2022**.

Nama Penghutang :
Zaimah binti Abdullah

Alamat Penghutang :
Lot 169, Spg. 525-72,
Pertanian Bertumpu,
Kampung Masin, BH2723,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
23 Januari 2023

BCY / CP / 462 / 2012

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Amir Hamzah bin Haji Muhammad
(BYIC No. 00-118751)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **16 Mac 2013** telah dibatalkan pada **22 Disember 2022**.

Nama Penghutang :
Amir Hamzah bin Haji Muhammad

Alamat Penghutang :
No.4, Spg. 40, Jln. 31,
Perumahan Lambak Kanan,
Berakas BC2315,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
23 Januari 2023

BCY / CP / 315 / 2013

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Adianah binti Abdul Rahman
(BYIC No. 00-274819)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **8 Mei 2014** telah dibatalkan pada **22 Disember 2022**.

Nama Penghutang :
Adianah binti Abdul Rahman

Alamat Penghutang :
No. 52, Spg. 49, Kg. Lugu,
Jln. Tutong, BG2921,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
23 Januari 2023

BCY / CP / 206 / 2022

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Hardiman bin Ramlee
(BYIC No. : 00-290718)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan dan Notis Perjumpaan Pemiutang Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Januari 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Hardiman bin Ramlee
No. 88G, Kg. Sungai Pandan,
BM1926,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
20 Disember 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9)**, Mahkamah Besar pada **8 Mei 2023, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2023, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
26 Januari 2023

BCY / CP / 230 / 2022

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Mohamad Hazmi bin Suhili
(BYIC No. : 01-057561)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan dan Notis Perjumpaan Pemiutang Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Januari 2023**.

Nama dan alamat terakhir

diketahui :

Mohamad Hazmi bin Suhili
No. 1, Simpang 73-15, Jalan 49,
Kampung Perpindahan Lambak
Kanan, Berakas BC2315,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
27 Oktober 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9)**, Mahkamah Besar pada **8 Mei 2023, jam 10.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2023, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
28 Januari 2023

BCY / CP / 254 / 2022

Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Nuraini binti Mappy
(BYIC No. : 00-300874)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan dan Notis Perjumpaan Pemiutang Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **14 Januari 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Nuraini binti Mappy
LTS 4393, Spg 638-7-2-28,
Kampung Lumut Tersusun,
Belait KC2935, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
28 Januari 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **14 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9)**, Mahkamah Besar pada **8 Mei 2023, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2023, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
28 Januari 2023

BCY / CP / 309 / 2018

Malayan Banking Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Tan Kok Voon @ Chen Yu Soo
(BYIC No. : 00-037690)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan dan Notis Perjumpaan Pemiutang Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Disember 2022**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Tan Kok Voon @ Chen Yu Soo
No.2 (Unit 1), LOT 25059,
Simpang 181-2,
Kampung Kiarong, BE3186,
Negara Brunei Darussalam.


Tarikh Petisyen :
17 November 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama


>> Muka 23




PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL : **iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : **+673 2383400**
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

>> Muka 22

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Disember 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9)**, Mahkamah Besar pada **8 Mei 2023, jam 11.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2023, jam 11.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
28 Januari 2023

BCY / CP / 262 / 2022

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Muhd Hairun Ikhwan bin Kusno
(BYIC No. : 01-055604 /
PC No. 6540)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan Dan
Notis Perjumpaan Pemiutang
Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **24 Disember 2022**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui :
Muhd Hairun Ikhwan bin Kusno

No. 9, Jalan 99, Spg. 63/26,
Kampung Rimba,
Gadong BE3119,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen :
26 Januari 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **24 Disember 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9)**, Mahkamah Besar pada **8 Mei 2023, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2023, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :

26 Januari 2023

BCY / CP / 328 / 2020

Royal Brunei Airlines Sdn Bhd
- Pemiutang / Pemetisyen

1. Hajah Normah Suria Hayati
binti PJDSM Dato Seri Utama
Dr Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri
(BYIC No. : 01-0-057298)
2. Hun Kyu Park
(USA Passport No. 486961433)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan dan
Notis Perjumpaan Pemiutang
Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Disember 2022**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui :
1. Hajah Normah Suria Hayati
binti PJDSM Dato Seri Utama Dr
Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri
No. 1, Kampung Mabohai,
Bandar Seri Begawan BA1111,
Negara Brunei Darussalam.
2. Hun Kyu Park
Unit 7 & 8, Empire Arcade,
The Empire Hotel & Country
Club, Jerudong BG3122,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petyisyen :
26 Januari 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Disember 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan

pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9)**, Mahkamah Besar pada **1 Mei 2023, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **1 Mei 2023, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
26 Januari 2023

BCY / CP / 214 / 2022

Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Mohamad Sallehin
bin Jamaluddin
(BYIC No. 00-305707)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan dan
Notis Perjumpaan Pemiutang
Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 Januari 2023**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui :
Mohamad Sallehin
bin Jamaluddin
No. 60, Kampung Penanjong,
Tutung TA2741,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petyisyen :
26 Januari 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **21 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9)**, Mahkamah Besar pada **1 Mei 2023, jam 11.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **1 Mei 2023, jam 11.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
26 Januari 2023

Hajah Normazdina
binti Haji Md. Maskub
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 04 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut Bagi Pegawai & Kakitangan Lelaki Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 01 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Pakaian Seragam Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 02 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Pakaian STK Untuk Pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 01 / 2023

Tajuk Projek :
The Supply, Delivery, and Commissioning Of Forklift 5 Tonnes to His Majesty the Sultan's Flight Office.

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
28 Mac 2023,
Jam 12.00 Tengah Hari



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

Bilangan Tawaran :
MFA / ICT / 2023 / T6

Tajuk Tawaran :
"THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF CABLING WORKS AT HQ BUILDING, MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS"

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
21 Februari 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



UBD LANCAK HARI TERBUKA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUNGKU LINK, Rabu, 15 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi melancarkan Hari Terbuka di Dewan Canselor, UBD, di sini, yang menggalakkan lapan sekolah, graduan dan tenaga kerja profesional untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti berkenaan bagi

membangunkan kemahiran yang diperlukan di tempat kerja.

Hari Terbuka tersebut diadakan bermula hari ini sehingga 17 Februari 2023 dan dibukakan kepada orang ramai dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang, kecuali pada Jumaat apabila ia akan ditutup dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Pengunjung Hari Terbuka UBD terdiri daripada bakal pelajar, ibu

bapa dan penjaga serta graduan dan tenaga kerja profesional, yang berpeluang menemui wakil-wakil dari pelbagai fakulti akademik, penyelidikan dan perkhidmatan UBD.

Pelancarannya dirasmikan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai utama, serta para kakitangan dan pelajar UBD.

Hari Terbuka itu menghoskan pejabat-pejabat korporat seperti Entrepreneurship Village (EV), UBD Corp, dan Friends of UBD yang terdiri daripada rakan kongsi tempatan, agensi kerajaan dan pihak-pihak yang telah menjalin kerjasama dengan UBD melalui penyelidikan dan acara, di samping Pusat Rangkaian, Pekerjaan dan Latihan Kerjaya (CoNECT).

Dr. Hazri turut melancarkan laman sesawang UBD baharu yang menampilkan navigasi kandungan dalam talian yang cekap serta aksesibiliti mudah kepada maklumat terkini mengenai kampus, fakulti, fasiliti, program dan berita UBD.

Laman sesawang ini juga mengandungi fungsi sembang langsung (*live chat*) sebagai tambahan kepada pelbagai pilihan dalam talian bagi menghubungi wakil universiti tersebut, di mana para pengunjung laman sesawang boleh berbual terus dengan wakil UBD pada waktu bekerja dari jam 7.45 pagi hingga 5.00 petang.

Manakala, di luar waktu tersebut, para pengunjung akan diarahkan

ke *chatbot* yang akan memberikan jawapan mengenai topik yang tertentu.

Selain itu, orang ramai kini boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi bertanyakan soalan lazim mengenai UBD.

Laman sesawang tersebut turut mengandungi akses kepada Sistem Maklum Balas UBD, iaitu e-help.

e-help merupakan platform dalam talian untuk pihak berkepentingan memberikan input dan menerima maklum balas mengenai pelbagai perkhidmatan di UBD.

Para pengguna, termasuk kakitangan dan pelajar UBD, boleh membuat akaun dan menyerahkan tiket dengan butiran maklum balas, bagi membolehkan jabatan masing-masing di universiti itu memberikan respons dengan resolusi yang diperlukan.



Pada Hari Terbuka itu juga, UBD membentangkan mengenai cara baharu untuk pelajar UBD



NAIB Canselor UBD selaku tetamu kehormat melancarkan Hari Terbuka tersebut.

memperoleh faedah melalui Kad Pelajar mereka bagi mendapatkan diskaun menarik daripada 30 vendor yang mengambil bahagian termasuk vendor makanan, minuman, peruncitan dan syarikat penerbangan.

**Yayasan Sultan
Haji Hassanah Bolkiah**

Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (Yayasan) is seeking a highly qualified and experienced individual to lead our school as Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah School Chief Executive Officer. The successful candidate will have a passion for creating a positive and inclusive learning environment, strong communication and interpersonal skills, as well as a proven track record of success in educational leadership.

Prerequisite:

1. Brunei Citizenship or Permanent Resident.
2. A relevant advanced degree in education or a related field.
3. A minimum of 10 years of leadership experience in schools or educational institutions management and administration, as Chief Executive Officer or similar leadership role.
4. Strong leadership and management skills
5. Strong knowledge of current education policies and trends
6. Ability to implement strategic plans and initiatives
7. Strong team-building and collaboration skills

Preference would be given to applicants with:

1. Additional qualifications in Management, Administration, Business Administration, Public Policy, Management, or Finance.
2. Professional qualification and membership in appropriate fields in recognized professional bodies.
3. Experience and competencies in tasks related to management, administration, public relations, and finance.
4. Excellent verbal and written communication in both Malay and English language.

The roles and responsibilities of the Yayasan School Chief Executive Officer will be (but are not limited to):

1. Responsible for the overall management of the school, in line with the school's strategy and policy.
2. Responsible for planning, and management to support school strategic plans, operational requirements, and achievement of school objective objectives.
3. Plan, develop and implement the school's annual strategic plan.
4. Monitor student affairs and academics.
5. Responsible for the management and administration of school operations including evaluation, scheduling, and co-curriculum development.
6. Preparations of school annual reports.
7. Ensure the quality of teaching and learning according to specified standards.
8. Responsible for all aspects of the school's financial performance and positioning including budgets, planning, and revenue.
9. Responsible for ensuring that school fees are paid in a timely manner and proper action is taken to address any school fees arrears.

If you believe you have the qualifications and experience we are looking for, please submit your application along with a copy of your resume, certificate of qualification, and other related documents to recruitment@vshhb.org.bn.

Closing date for application : February 27, 2023.

HARI Terbuka yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD.



25 peserta mara ke peringkat akhir



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan cenderamata kepada salah seorang peserta Musabaqah.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Februari. - Seramai 25 orang dari 60 orang peserta yang bertanding pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah yang berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula 14 hingga 16 Februari 2023, berjaya mara ke peringkat akhir dan seterusnya akan bertanding pada Musabaqah

Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah.

Keputusan tersebut diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah, Awang Mohammad Hashim bin Haji Abdullah pada Majlis Pengumuman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah, hari ini, bertempat di Dewan Kuliah,

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada para peserta Musabaqah dan Hakim-hakim Musabaqah ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444H dalam ucapannya antara lain menjelaskan, pada tahun ini seramai 255 orang calon peserta telah mendaftar untuk mengikuti Musabaqah tersebut, yang mana mereka telah melalui peringkat pemilihan atau saringan yang diadakan selama lima hari berturut-turut iaitu pada 16, 17, 18, 19 dan 21 Januari 2023 lalu.

Hasil pada peringkat pemilihan

yang lalu tambahannya, seramai 60 orang peserta berjaya mara ke peringkat Separuh Akhir Kebangsaan, dengan menampilkan 12 orang peserta pada setiap kategori iaitu 12 orang bagi Kategori 'A', 12 orang bagi Kategori 'B', 12 orang peserta bagi Kategori 'C' 12 orang Kategori 'D' dan 12 orang bagi Kategori 'E'.

Terdahulu pada sebelah pagi, Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444H bagi Kategori 'A' diadakan, di mana seramai 12 peserta

memperdengarkan hafazan mereka.

Antara objektif Musabaqah itu diadakan adalah untuk menggalakkan umat Islam di negara ini agar berjinak-jinak mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai amalan harian.

Ia juga bertujuan untuk menambahkan lagi para huffaz di negara ini, di samping mendapatkan pahala dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala dan mendorong serta membantu para peserta dan orang ramai untuk memahami maksud yang terkandung dalam Al-Quran antaranya, fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid.



ANTARA peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah yang akan mara ke peringkat akhir.

...Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023....

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Seramai 1,390 orang pelajar menyertai Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja yang diunkayahkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja kepada para pelajar sekolah rendah, menengah dan maktab serta sekolah Arab dan agama itu diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023.

Pengagihan berkenaan berlangsung secara serentak di keempat-empat buah daerah hari ini dengan tujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja di Daerah Brunei dan Muara, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Acara berkenaan diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja di Daerah Brunei dan Muara (kiri dan atas kiri).

Daerah Tutong

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 15 Februari. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja kepada para pelajar sekolah rendah, menengah dan maktab serta sekolah Arab dan agama bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023.

Pengagihan berkenaan berlangsung secara serentak pada hari ini di keempat-empat buah daerah.

Di Daerah Tutong, acara berkenaan diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja berkenaan, Pegawai Kluster 4, Awang Safuanny bin Haji Juned.

Seramai 378 orang pelajar terlibat pada acara berkenaan.

Majlis berkenaan bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39.



PEGAWAI Kluster 4, Awang Safuanny bin Haji Juned hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja berkenaan.

Daerah Belait

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Rabu, 15 Februari. - Pengagihan bendera kecil meja kepada para pelajar sekolah dihasratkan dapat menanam semangat patriotisme dan rasa cinta kepada bendera negara, menghormatinya dan menjaga kemuliaannya selaku pewaris kepada bangsa dan negara.

Sebagaimana lazimnya, bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39 tahun ini, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja diadakan serentak di keempat-empat buah daerah merangkumi para pelajar

sekolah rendah, menengah dan maktab serta sekolah Arab dan sekolah agama.

Bagi Daerah Belait, majlis berkenaan diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah St. John's yang melibatkan seramai 163 pelajar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja berkenaan, Ketua Kluster 6, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Halizawati binti Haji Kepli.

Atur cara dimulakan dengan

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dipimpin oleh pasukan koir Sekolah St. John's diikuti dengan pengagihan bendera kecil meja kepada wakil penuntut Tahun 1 hingga Tahun 11.

Majlis juga diserikan lagi dengan nyanyian lagu patriotik bertajuk 'Berkibarlah Bendera'.

Turut hadir, Pengetua Sekolah St. John's, Dr. Teh Keng Waat dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Pengagihan bendera kecil meja merupakan anjuran Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.

Pada masa yang sama, ia turut diharapkan dapat mendisiplinkan diri penuntut serta merasa megah dan bangga kerana dapat sama-sama memeriahkan lagi suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

KETUA Kluster 6, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Halizawati binti Haji Kepli hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja berkenaan (atas kanan). Manakala gambar kanan dan kiri, antara pelajar Sekolah St. John's.



...Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023....

Daerah Temburong



KETUA Kluster 1, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hamidah binti Haji Daud hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kepada penerima (atas), manakala gambar kanan, Upacara Menaikkan Bendera dan Nyanyian Lagu Kebangsaan.

TEMBURONG, Rabu, 15 Februari.

- Dalam usaha menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme khususnya dalam kalangan para pelajar, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah, maktab serta sekolah Arab dan ugama diadakan hari ini secara serentak di keempat-empat daerah di negara ini.

Bagi Daerah Temburong, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja diadakan pagi tadi di Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi, Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera ialah Ketua Kluster 1, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hamidah binti Haji Daud.

Atur cara dimulakan dengan bacaan doa dan nyanyian lagu kebangsaan, diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Sejurus sahaja tetamu kehormat dan para jemputan

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

beredar ke Dewan Sekolah, acara diserikan lagi dengan persembahan nyanyian bertajuk 'Bendera Kecil' oleh murid-murid di sekolah berkenaan, diikuti dengan tayangan Video Program Semarak Pengibaran Bendera dan persembahan lakonan oleh

murid-murid sekolah.

Majlis antara lain bertujuan untuk salah satu acara bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-39 bagi Tahun 2023 ini yang membawakan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'.



Ke Temburong Bisai : Peluang pengusaha 1K1P jana pendapatan

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TEMBURONG, Khamis, 16 Februari. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39 Tahun, Jabatan Daerah Temburong melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Daerah Temburong mengadakan Program 'Ke Temburong Bisai' edisi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD.

Program berkenaan merupakan inisiatif atau usaha MPMK sebagai pengendali dalam memberikan peluang kepada pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) untuk menjana pendapatan dan secara

tidak langsung meningkatkan penglibatan masyarakat di Daerah Temburong.

Antara lain tujuan ia diadakan adalah untuk menambahkan lagi tarikan kepada pengunjung dari luar dan dalam daerah dalam sama-sama meningkatkan lagi kemeriahan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 pada tahun ini.

Antara pengisian Program 'Ke Temburong Bisai' berkenaan adalah aktiviti Jualan Keusahawanan Kampung yang terdiri daripada 60 peserta daripada pengusaha 1K1P dan beberapa pengusaha kecil dan sederhana dari dalam dan luar

daerah; pameran; Kempen Derma Darah; Pertandingan Tausyeh Biro-biro Belia Majlis-majlis Perundingan Kampung, Daerah Temburong; Pertandingan Terbuka Masakan Berkategori; Walkaton bagi mengutip derma Tabung Bantuan Daerah Temburong; Pameran Kereta dan Motosikal Klasik dan Moden Terbuka, dan Pertandingan Mewarna.

Program berkenaan berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 19 Februari 2023.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir ke Program 'Ke Temburong Bisai' bagi



ANTARA pengisian Program 'Ke Temburong Bisai' seperti aktiviti Jualan Keusahawanan Kampung daripada pengusaha 1K1P dan beberapa pengusaha kecil dan sederhana dari dalam dan luar daerah.

memeriahkan dan ikut serta di dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan bertempat di kawasan kedai Pekan Bangar.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Bersama Mencegah Penyakit Kanser'. Tarikh Tutup : 22 Februari 2023
- 'Berbelanja Berhemah, Elakkan Berhutang'. Tarikh Tutup : 1 Mac 2023
- 'Belia Penyumbang Penting Perkembangan Kampung'. Tarikh Tutup : 8 Mac 2023

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Israk Mikraj detik muhasabah diri cari kesempurnaan solat

Rencana : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

BULAN Rejab merupakan sebuah peristiwa yang sangat penting dalam sejarah Islam, yang sentiasa diingati setiap tahun oleh seluruh umat Islam. Peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku pada malam 27 Rejab dalam Takwim Hijrah ini merupakan mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selepas Al-Quran. Ia juga merupakan peristiwa agung yang penuh pengajaran dan iktibar. Dalam peristiwa ini Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah di Israkkan (diperjalankan) dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin dan telah di Mikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratul Muntaha.

Dalam peristiwa tersebut Baginda telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, Baginda juga diperlihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perilaku manusia dengan balasan-balasan yang bakal mereka terima.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1 tafsirnya : "Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidil Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya

supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar Lagi Maha Melihat".

Di kemuncak peristiwa itulah Allah Subhanahu Wata'ala telah memfardukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam. Ibadat sembahyang itu terlalu istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala kerana Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri telah menerimanya secara langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala di Sidratul Muntaha dalam peristiwa berkenaan. Perintah ibadat sembahyang ini adalah berbeza dengan ibadat-ibadat yang lain seperti ibadat puasa, zakat, haji dan lain-lain yang diterima melalui wahyu dengan perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam. Ini menunjukkan bahawa ibadat sembahyang itu terlalu istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Petikan titah

Dalam imbasan petikan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena

Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda menekankan, adapun matlamat utama daripada peristiwa ini ialah untuk menerima sembahyang lima waktu daripada Allah. "Perintah sembahyang disyariatkan secara langsung oleh Allah kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tanpa sebarang perantaraan. Inilah hebat dan istimewanya sembahyang itu. Tidak syak lagi, sembahyang adalah tali penghubung di antara Al-Khaliq dan hamba-Nya. Maka akan kuatlah hubungan itu dengan melakukan sembahyang.

"Oleh itu diwajibkan sembahyang itu sebagai ibadat utama di dalam kehidupan kita, sebagai cara untuk menjaga hubungan ini biar ia terus kekal dan kukuh sehingga tiada putus-putus".

Sambutan Israk Mikraj Peringkat Negara

Sebagaimana di negara-negara Islam lainnya, Israk dan Mikraj merupakan hari kelepasan awam yang disambut bagi memperingati peristiwa bersejarah tersebut. Begitu juga di Negara Brunei Darussalam, Sambutan Israk Mikraj diraikan dengan pelbagai majlis ilmu dan acara keagamaan supaya dengan itu, kita dapat mengambil iktibar dan seterusnya meningkatkan ketakwaan serta keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada tahun ini, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Sabtu, 27 Rejab 1444 Hijrah bersamaan 18 Februari 2023 Masihi bermula pada 9.00 pagi. Tema sambutan pada tahun ini, 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Sembahyang Meraih Redha Allah'. Pengisian majlis tersebut mengandungi Persembahan Selawat, Ceramah Khas dan Persembahan Khas. Majlis tersebut dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Syarikat PDS Sendirian Berhad, PaddyCo Sdn. Bhd. dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.

Semoga dari peristiwa Israk dan Mikraj ini, kita sama-sama dapat menghayati dan mengambil iktibar serta menjadikan ia sebagai pengajaran dalam menguatkan lagi iman dan takwa kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa agar kita akan sentiasa mendapat hidayah dan petunjuk ke jalan yang diredai oleh-Nya.

Surah Al-Isra', ayat 60, tafsirnya, "Dan ingatlah ketika kami wahyukan kepada mu wahai Nabi Muhammad : Sesungguhnya Tuhanmu, ilmu dan kekuasaannya meliputi sekalian manusia. Dan kami tidak menjadikan pandangan pada malam Mikraj yang Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai ujian bagi manusia dan demikian juga pokok Zakkum yang dilaknat dalam Al-Quran".





PMI buka peluang pekerjaan kepada golongan memerlukan

Rencana : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Roydi Sahwandi Yakob

SU pengangguran merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh setiap negara termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD). Justeru itu, golongan anak muda dan anak-anak tempatan disarankan agar tidak terlalu memilih pekerjaan dan merebut peluang pekerjaan yang sedia ada bagi mengurangkan jurang pengangguran dalam negara ini. Penglibatan berbagai pihak dalam usaha mengurangkan jumlah pengangguran juga sangat digalakkan. Salah satu usaha yang dikendalikan ialah dengan mengadakan Projek Mencapai Impian (PMI) yang diasaskan oleh Awang Roydi Sahwandi bin Yakob.

PMI merupakan satu platform dalam menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada golongan memerlukan iaitu anak-anak tempatan dan penduduk tetap di NBD. PMI mula ditubuhkan pada tahun 2019. Tertubuhnya projek ini untuk sama-sama berganding bahu bagi membantu menjana dan menstabilkan ekonomi masyarakat dan negara selaras dengan visi dan misi projek ini dengan slogan 'Masyarakat Bersatu Menjana Ekonomi'.

PMI telah membuat pelbagai perancangan untuk merealisasikan pembangunan ekonomi negara yang maju dan berdaya tahan agar ianya dapat dinikmati oleh

masyarakat di negara ini. Antara perancangan yang dibuat oleh PMI adalah untuk membuka jalan kepada lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan seperti pemotong rumput, pencuci alat penghawa dingin, pembersih, pembantu am, pembantu rumah, mencuci kereta dan sebagainya.

Peluang pekerjaan

Dengan adanya projek ini juga, ianya dapat memberi peluang kepada anak-anak tempatan dan penduduk tetap di negara ini untuk mendapatkan peluang pekerjaan melalui permohonan yang dibuat kepada PMI. Permohonan tersebut tidak memerlukan sebarang kelulusan sekolah dan pemohon hanya perlu lulus dalam fasa penilaian yang akan diberikan oleh pihak PMI. Fasa penilaian ini bertujuan untuk melahirkan pekerja tempatan yang berkualiti dan serba boleh serta berpendirian tetap. Ini kerana sepanjang dalam fasa penilaian, peserta akan dibimbing dan diberi tunjuk ajar serta berdikari. Pelbagai aspek akan dinilai untuk mata lulus dari segi kesungguhan diri, keberanian dalam memberikan penerangan apabila berhadapan dengan pelanggan dalam

membuat jualan, disiplin diri, kejujuran dan amanah. Bagi mana-mana pihak yang berminat untuk membuat permohonan, borang boleh didapati dengan menghubungi Talian Hotline mereka +673 7271637.

Keistimewaan menyertai PMI

Di samping itu, ianya juga dapat melatih diri mereka untuk berani tampil dan berkomunikasi dengan orang ramai. Jika lulus, maka peserta akan diberikan elaun dan seterusnya menandatangani kontrak pekerjaan bersama PMI dan syarikat kerjasama PMI dengan tawaran gaji bulanan, elaun dan sebagainya. Setakat ini, PMI telah pun berjaya mengendalikan fasa pertama dengan penyertaan lebih dari seribu permohonan bagi jawatan pemotong rumput yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang akan bermula pada tahun 2023.

Untuk tahun 2023, PMI ingin terus membuat perancangan untuk membukakan pelbagai peluang pekerjaan dan keusahawanan buat yang memerlukan dan ingin melahirkan anak-anak tempatan yang mampu dan berkebolehan untuk melakukan pekerjaan yang lazimnya dilakukan oleh pekerja dan peniaga dari luar negara. Contohnya, keusahawanan dari segi kedai runcit, kedai gunting rambut, kedai jahit dan sebagainya. Pelbagai perancangan

PMI telah pun dibuat dalam membukakan peluang pekerjaan dan melahirkan usahawan tempatan untuk golongan yang memerlukan tidak kira jantina, bangsa dan agama.

Harapan PMI

Harapan PMI adalah untuk mendapatkan sokongan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk sama-sama membantu mencapai tujuan, misi dan visi projek ini. PMI sangat mengharapkan sokongan ini, agar anak-anak tempatan atau pun generasi akan datang mempunyai pekerjaan dan pendapatan stabil yang dapat menjana pendapatan mereka. Diharapkan juga dengan berjalannya projek ini, lebih ramai anak tempatan yang dapat keluar dari masalah pengangguran dan kesulitan dari segi kewangan.

Melalui projek tersebut, ia diharapkan akan dapat membantu anak-anak tempatan untuk mendapatkan peluang pekerjaan serta meningkatkan kemahiran mereka. Projek ini juga dapat membantu meningkatkan lagi semangat anak tempatan untuk mencari pekerjaan dan berjuang bersama ke arah yang lebih baik demi mencapai impian. Sokongan agensi kerajaan dan kerjasama masyarakat adalah sangat diharapkan untuk bersama mencapai matlamat ini.



MENGHAYATI PERISTIWA AGUNG ISRAK MIKRAJ

■ Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

PENGARAH PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir sama selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

PULAI, Rabu, 15 Februari. - Sebagai usaha menyelaras isi kandungan ceramah agar isu atau tajuk yang akan disampaikan oleh para penceramah sentiasa konsisten dan relevan dengan peredaran masa dan zaman, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Ceramah, Bahagian Penyebaran Da'wah mengadakan Halaqah Bimbingan Da'ie sempena Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1444 Hijrah yang bertemakan 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Sembahyang Meraih Reda Allah'.

Acara berkenaan diadakan bertujuan bagi memberikan ilmu pengetahuan, berkongsi isu dan bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan tema Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini yang diadakan di Dewan Persidangan, PDI, di sini.

Seramai 100 peserta hadir terdiri daripada Jabatan Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan; Jabatan Hal Ehwal Masjid; Bahagian Kemajuan Syiar Islam; Pensyarah dan Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama



Seri Begawan (KUPU SB), Kementerian Hal Ehwal Ugama; Pensyarah dan Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam serta para pegawai dan kakitangan PDI.

Hadir selaku fasilitator jemputan bagi Halaqah bertajuk 'Ke Arah Kemantapan Da'ie Yang Berkaliber' ialah Dekan Fakulti Pendidikan KUPU SB, Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat. Hadir sama selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Terdahulu, Majlis Halaqah

Bimbingan Da'ie yang merupakan kali ke-64 ia diadakan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Inti pati halaqah antara lain menyentuh mengenai ayat Al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai peristiwa agung Israk dan Mikraj, lbrah dan pengajaran yang dapat diambil daripada perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya perihal kedudukan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai insan teragung, hakikat kebenaran Israk dan Mikraj, kesucian Kota Madinah dan Baitul Maqdis, adab dalam kehidupan Muslim, nikmat bersyukur dan juga hakikat kewajipan sembahyang serta kepentingan dalam meraih reda Allah.

Sejurus selesai pembentangan, majlis halaqah diteruskan lagi dengan sesi perbincangan dan soal jawab.

DEKAN Fakulti Pendidikan KUPU SB, Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat selaku fasilitator jemputan bagi Halaqah tersebut.



Hari Terbuka UNISSA kongsi maklumat program pengajian

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Terbuka bermula hari ini hingga 16 Februari 2023, bertempat di Dewan Gimnasium UNISSA dan pada hari

Selasa, 21 Februari 2023 bagi kampus UNISSA cawangan Sinaut.

Hari Terbuka UNISSA ini adalah bertujuan untuk memberikan gambaran dan pemahaman yang lebih jelas mengenai

pelbagai program pengajian yang ditawarkan, di samping mendapatkan maklumat secara terperinci tentang pelbagai aktiviti kokurikulum serta berpeluang berinteraksi secara langsung bersama tenaga akademik UNISSA.

Bagi Sesi Pengajian 2023/2024, UNISSA menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang akademik, termasuk Usuluddin; Syariah dan Undang-Undang; Bahasa Arab; Ekonomi dan Kewangan Islam; Pengurusan Pembangunan Islam; Teknologi Islam; Pertanian; Penyelidikan Mazhab Syafii; dan Penyelidikan Halalan Tayyiban.

Program-program yang ditawarkan ini menarik minat para pemohon bukan sahaja dari dalam negara, malah dari luar negara. Apatah lagi kelulusan yang diperoleh dari UNISSA diiktiraf



2 pegawai KHEU hadiri Persidangan Dakwah Kebangsaan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PENGARAH PDI, Awang Haji Abdul Rajid dan Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, KHEU, Awang Muhammad Yusof bin Abdul Majid berlepas meninggalkan negara bagi menghadiri Persidangan Dakwah Kebangsaan 'Cabaran dan Peranan NGO Islam'.

BERAKAS, Rabu, 15 Februari. - Dua orang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), iaitu Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; dan Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, KHEU, Awang Muhammad Yusof bin Abdul Majid, berlepas meninggalkan negara petang tadi bagi menghadiri Persidangan Dakwah Kebangsaan 'Cabaran dan Peranan NGO Islam' yang akan diadakan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia pada Khamis, 16 Februari 2023.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Unit Antarabangsa dan MABIMS, Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail.

Persidangan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) berkenaan adalah sebagai satu usaha mencari penyelesaian kepada cabaran, isu dan masalah yang dihadapi umat Islam terutamanya Islamofobia, penyebaran risalah Islam dan kemiskinan menerusi platform forum, syarahan dan ceramah yang disampaikan oleh para tokoh Islam terkemuka dari dalam dan luar negeri.

Pada akhir persidangan berkenaan nanti, satu rangka strategi dan kerjasama strategik dalam kalangan NGO Islam akan digubal.

Persidangan berkenaan merupakan kerjasama antara PERKIM Kebangsaan bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [MAIWP], Majlis Dakwah Islam Serantau Asia Tenggara dan Pasifik [RISEAP] dan tiga buah institusi pengajian tinggi termasuk Universiti Teknologi MARA [UiTM], Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur [KPBKL] dan Kuala Lumpur Metropolitan University College [KLMUC].

Kehadiran para wakil dari KHEU, Negara Brunei Darussalam ke persidangan berkenaan adalah sebagai pemerhati.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Terbuka di Dewan Gimnasium UNISSA (atas dan kiri).

oleh institusi pengajian tinggi antarabangsa dan mempunyai kedudukan yang setanding.

Turut menyertai Hari Terbuka UNISSA tersebut adalah wakil daripada Higher Education Centralised Admission System (HECAS).

Sehubungan itu, orang ramai / bakal pelajar adalah dijemput dan

dialu-alukan hadir ke Hari Terbuka UNISSA untuk menerokai pelbagai program akademik yang ditawarkan.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi Pusat Pengurusan Akademik melalui e-mel oam@unissa.edu.bn atau oam@siswa.unissa.edu.bn dan WhatsApp +673 7376997.

GENESIS : BUKU KOMIK HASIL KARYA PENULIS TEMPATAN



PEGAWAI Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam, Jeffrey Barrus semasa memberi penjelasan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Buku komik menengahkan kisah pengembaraan bertajuk 'Genesis' dilancarkan petang tadi bertempat di salah sebuah kafe, di Kampung Kiulap, di sini.

Komik tersebut merupakan hasil karya daripada Khai Anwar, Adi Farhan, Hanis Hashim, Richard Chin, Azim Diniy, Farhan Karim dan Kelvin Ang. 'Genesis' dibiayai oleh Kedutaan Amerika Syarikat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

melalui Small Grants Program. Komik berkenaan merupakan novel grafik setebal 75 halaman mengisahkan tentang enam orang remaja yang terkurung di rumah beberapa tahun akan datang akibat wabak global.

Pegawai Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam, Jeffrey Barrus menjelaskan, dengan terhasilnya komik berkenaan akan memberi inspirasi kepada para belia Brunei dengan tema daya tahan dalam menghadapi perubahan iklim, kepimpinan, kesukaran, kepentingan persahabatan dan kesejahteraan mental dalam mengatasi rintangan dan nilai pemuliharaan alam sekitar.

"Kedutaan Amerika Syarikat sentiasa menyokong rakyat Brunei dalam menceritakan kisah mereka dengan suara mereka sendiri.

"Kami percaya para karya tempatan memainkan peranan penting dalam memberi inspirasi dan memberi cabaran kepada semua untuk melihat dunia dengan sudut pandangan yang baharu," ujarnya.

Komik 'Genesis' berkenaan akan diedarkan secara percuma termasuk ke sekolah-sekolah, kedai-kedai buku, kafe-kafe dan tempat-tempat bacaan yang lain.



KOMIK tersebut merupakan hasil karya daripada Khai Anwar, Adi Farhan, Hanis Hashim, Richard Chin, Azim Diniy, Farhan Karim dan Kelvin Ang.

Dikenakan kompaun : Tinggalkan longgokan bahan binaan

BELAIT, Rabu, 15 Februari. - Sebuah syarikat dikenakan kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggagal 30), Bab 12 (1), di bawah Bab 12 (1) (f) (ii).

Syarikat berkenaan didapati meninggalkan dan melonggokkan bahan binaan tanpa kebenaran di tempat awam.

Sikap berkenaan mencemarkan keindahan dan merosakkan alam sekitar di kawasan berkenaan.

Syarikat berkenaan juga dikenakan denda kompaun yang dikeluarkan oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait (JDB).

JDB mengingatkan kepada orang ramai bahawa denda kompaun di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggagal 30), Bab 12 (1), bagi kesalahan individu, jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab berkenaan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Syarikat terbabit diberikan tempoh selama tujuh hari untuk menjelaskan denda kompaun berkenaan dan jika gagal menjelaskan pembayaran, syarikat berkenaan boleh didakwa ke mahkamah.



SYARIKAT berkenaan didapati meninggalkan dan melonggokkan bahan binaan tanpa kebenaran di tempat awam.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

Dalam memastikan Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggagal 30), Bab 12 (1) berkenaan dilaksanakan, Unit Penguatkuasaan, JDB sentiasa menjalankan operasi pemantauan, iaitu membuat rondaan di tempat-tempat awam dan kawasan larangan pembuangan sampah.

Selain itu, pemantauan juga dijalankan ke atas aktiviti-aktiviti bengkel, pengilangan, penternakan dan pembinaan bagi memastikan mereka mematuhi peraturan yang ada.

Operasi pemantauan harian berkenaan adalah bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang disediakan.

Unit Penguatkuasaan, JDB sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu

ataupun badan-badan korporat dan penduduk agar menanamkan sikap yang mementingkan aspek kebersihan persekitaran dan kehidupan sehari-hari.

Membuang sampah sarap di tempat khas yang disediakan oleh pihak kerajaan dan juga diingatkan agar tidak menjadikan longkang, sungai dan tasik sebagai tempat pilihan pembuangan selain sentiasa mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam sekitar dengan membuang bahan-bahan buangan di tempat yang disediakan oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Orang awam adalah dialu-alukan untuk menyampaikan maklumat-maklumat pembuangan sampah yang tidak dibenarkan di kawasan awam melalui talian +673 334335/6/7 Ext: 1153 ataupun +673 8711316.

Insiden pesakit jatuh disiasat

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Februari. - Berikutan dengan insiden seorang pesakit jatuh dari sebuah tingkap bangunan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada Selasa, 14 Februari 2023.

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa pesakit berkenaan pada masa ini berada

dalam keadaan selamat dan sedang menerima rawatan.

Pihak Kementerian Kesihatan masih melakukan siasatan mengenai insiden ini dan memohon kerjasama dari orang ramai untuk tidak menyebarkan lagi sebarang gambar atau video kejadian tersebut bagi menjaga dan menghormati pesakit berkenaan.

Tiada laporan mengenai kes culik

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 15 Februari. - Berikutan dengan satu berita yang tular pada masa ini mengenai seorang penculik yang menyamar sebagai ibu bapa atau penjaga kepada seorang murid di sebuah sekolah tadika ketika murid berkenaan balik dari sekolah.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) setakat ini tidak ada menerima sebarang laporan atau aduan daripada ibu bapa atau penjaga murid dan pihak sekolah mengenai berita berkenaan.

Oleh itu, PPDB menyarankan kepada ibu bapa atau penjaga murid dan pihak berkenaan agar datang ke Balai-balai Polis berdekatan bagi membuat laporan polis.

PPDB menasihatkan kepada orang ramai agar dapat melaporkan ke pihak polis di Talian Kecemasan Polis 993 atau Balai-balai Polis yang berdekatan jika mendapati orang-orang yang mencurigakan berada di kawasan sekolah.

Di samping itu, PPDB juga menyarankan kepada ibu bapa atau penjaga murid agar dapat meningkatkan kewaspadaan dan tidak memberi ruang kepada individu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membuat jenayah semasa murid-murid berada di sekolah seperti mengambil anak-anak balik dari sekolah pada tepat waktunya.

RIYADH BAKAL JADI PUSAT BANDAR RAYA TERBESAR DUNIA



AMMAN, 17 Feb. - Putera Mahkota Arab Saudi Mohammad bin Salman pada Khamis melancarkan Syarikat Pembangunan Murabba Baharu (NMDC) untuk membangunkan Riyadh sebagai pusat bandar raya moden terbesar di dunia, lapor Petra.

Selari dengan Wawasan Saudi 2030, projek New Murabba akandibangun berdasarkan konsep kemampuhan dengan menonjolkan kawasan hijau dan laluan berjalan kaki dan berbasikal ke arah meningkatkan kualiti hidup menerusi promosi gaya hidup sihat dan aktif serta aktiviti komuniti.

Projek itu turut meliputi muzium

ikonik, universiti teknologi dan reka bentuk, teater tiga dimensi pelbagai guna dan lebih 80 tempat hiburan dan kebudayaan, menurut Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Bakal dibangunkan di persimpangan jalan Raja Salman dan Raja Khalid ke barat laut Riyadh yang meliputi kawasan seluas 19 kilometer persegi.

Projek ini akan menawarkan lebih 25 juta meter persegi keluasan lantai, lebih daripada 104,000 unit kediaman, 9,000 bilik hotel dan lebih 980,000 meter persegi ruang runcit serta 1.4 juta meter persegi ruang pejabat, 620,000 aset rekreasi 1.8 juta

meter persegi ruang khusus untuk kemudahan komuniti.

NMDC akan membangunkan projek dan membina "Mukaab" sebuah mercu tanda ikonik luar biasa yang menampilkan teknologi inovatif terkini.

Rekabentuk "Mukaab" dengan kemudahan pertama seumpamanya, bakal menjadi antara struktur binaan terbesar di dunia dengan ketinggian 400m, lebar 400m dan panjang 400m.

"Mukaab" akan memastikan penggunaan sepenuhnya setiap ruang untuk menampung teknologi yang diperlukan.

Pelancaran NMDC dijangka menambah SAR180 bilion kepada KDNK bukan minyak dan mewujudkan 334,000 pekerjaan langsung dan tidak langsung

menjelang 2030.

Projek itu dijangka siap pada 2030. - ©BERNAMA

China, Iran komited mantapkan perkongsian strategik komprehensif

BEIJING, 15 Feb. - China komited memperluas kerjasama muhibah dengan Iran dan terus memajukan perkongsian strategik komprehensif, walau apa jua perubahan yang berlaku dalam situasi antarabangsa dan serantau.

Demikian kata Presiden China, Xi Jinping ketika mengadakan rundingan dengan rakan sejawatnya dari Iran, Ebrahim Raisi di Beijing pada Selasa.

"China menyokong Iran memelihara kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan maruah bangsa serta usaha negara itu dalam melawan unilateralisme dan pembulian.

"China menentang kuasa asing mencampuri urusan dalaman Iran serta menjejaskan keselamatan dan kestabilan negara itu," kata beliau.

Xi menyatakan hasrat untuk bersama Iran melaksanakan sepenuhnya pelan kerjasama komprehensif bilateral di samping memperdalam kerjasama pragmatik dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pertanian, perindustrian dan infrastruktur.

Beliau juga menzahirkan penghargaan terhadap keinginan Iran untuk membaik pulih hubungan dengan negara jiran serta menyokong negara serantau menyelesaikan perancangan menerusi dialog dan perundingan.

"China akan terus menyertai secara konstruktif rundingan mengenai pemulihan perjanjian isu nuklear Iran," tambah Xi.

Sementara itu, Raisi menzahirkan iltizam Iran bagi memantapkan lagi perkongsian strategik komprehensif dengan

China.

Menurutnya, Iran bersedia meningkatkan pertukaran pelbagai peringkat dengan China dan mempergiat kerjasama pragmatik melibatkan bidang seperti perdagangan dan infrastruktur.

Raisi turut menzahirkan sokongan kukuh terhadap Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), Inisiatif Pembangunan Global (GDI) dan Inisiatif Keselamatan Global (GSI) yang disarankan China.

"Iran bersedia memperkasakan komunikasi dengan China dalam urusan serantau dan antarabangsa, selain mengekalkan sinergi di peringkat multilateral demi memelihara keadilan antarabangsa serta kedamaian dan keselamatan serantau mahupun dunia," katanya. - ©BERNAMA

Afrika Selatan : Sidang Kemuncak BRICS akan bincang penstrukturan semula politik, ekonomi dan kewangan global

CAPE TOWN, 15 Feb. - Sidang Kemuncak BRICS yang akan dihoskan Afrika Selatan tahun ini akan membincangkan kaedah untuk penstrukturan semula politik, ekonomi dan kewangan global, lapor Xinhua.

Timbalan Menteri Perhubungan Antarabangsa dan Kerjasama Alvin Botes berkata demikian di parlimen negara itu di Cape Town.

"Antara isu yang akan dibincangkan dalam BRICS ialah

bagaimana untuk menyusun semula acuan politik, ekonomi dan kewangan global supaya ia menjadi lebih seimbang, inklusif dan saksama," kata Botes.

Beliau berkata sebagai satu-satunya negara Afrika dalam BRICS dan G20, Afrika Selatan akan terus berusaha untuk meletakkan benua Afrika dan Selatan Global dalam agenda forum ini.

Afrika Selatan merupakan Pengerusi BRICS 2023, bertemakan "BRICS and Africa: Partnership for Mutually Accelerated Growth, Sustainable Development, and Inclusive Multilateralism".

BRICS terdiri daripada Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan. Afrika Selatan menjadi pengerusi BRICS pada 2023, mengambil alih daripada China. - ©BERNAMA

Amerika Syarikat : Kereta api bawa bahan kimia tergelincir, penduduk di Ohio suara kebimbangan

NEW YORK, 15 Feb. - Penduduk di sekitar East Palestine di Ohio, Amerika Syarikat (AS) sudah boleh kembali ke rumah masing-masing selepas keadaan disahkan selamat, susulan insiden kereta api yang membawa 150 gerabak mengandungi bahan kimia berbahaya tergelincir dari landasan pada 3 Feb lalu, lapor Xinhua.

Bagaimanapun, seorang penduduk memberitahu media tempatan bahawa lima ekor ayam dan ayam jantan peliharaannya mati pada Selasa lalu.

Sehari sebelum itu, syarikat Norfolk Southern telah membakar

gerabak yang membawa bahan kimia vinyl chloride itu.

Jabatan Sumber Asli Ohio memaklumkan bahawa tumpahan kimia akibat insiden itu setakat Rabu lalu telah membunuh kira-kira 3,500 ikan yang terdapat di sepanjang sungai sejauh kira-kira 12 kilometer (km).

"Bagi sesetengah penduduk yang tinggal berhampiran lokasi kejadian, laporan itu mencetuskan kebimbangan kepada mereka dan haiwan peliharaan mereka mungkin terdedah kepada bahan kimia," menurut laporan itu.

Agensi Perlindungan Alam

Sekitar (EPA) memberi amaran kepada penduduk di kawasan berhampiran tentang kemungkinan bau tetapi vinyl chloride boleh mengeluarkan bau pada tahap lebih rendah daripada tahap yang dianggap berbahaya.

EPA mengklasifikasikan vinyl chloride sebagai karsinogen; pendedahan rutin boleh meningkatkan risiko kerosakan hati atau kanser hati.

Pendedahan jangka pendek pula boleh menyebabkan rasa mengantuk, loya, sakit kepala, rasa terbakar atau kebas. - ©BERNAMA

Scotland teruskan perjuangan untuk referendum merdeka

MOSCOW, 17 Feb. - Parti Kebangsaan Scotland (SNP) berkemungkinan akan menggunakan peletakan jawatan Menteri Pertama Nicola Sturgeon sebagai peluang untuk negara itu mendapatkan kemerdekaan melalui referendum baharu di bawah kepimpinan baharu, lapor Sputnik.

Pada Rabu Sturgeon mengumumkan hasratnya untuk meletak jawatan selepas lapan tahun mengetuai kerajaan dan sudah memulakan proses untuk memilih pemimpin baharu.

Bagaimanapun, beliau kekal memegang jawatan itu sehingga pengganti dipilih.

"SNP berkempen bagi menjadikan Scotland sebuah negara merdeka dengan semua calon pengganti komited untuk menjalankan referendum baharu seawal mungkin," kata ahli Konservatif Dewan Pertuanan Parlimen UK, Lord Richard Balfe, pada Khamis.

Dalam tinjauan oleh firma pengundian Survation pada Januari menunjukkan kira-kira 54 peratus rakyat Scotland akan mengundi menentang kemerdekaan Scotland jika ia diadakan pada masa itu berbanding tinjauan pada Disember dengan majoriti menyokong idea itu.

Pada November lepas, Mahkamah Agung United Kingdom (UK) memutuskan bahawa langkah Scotland untuk menjalankan referendum kemerdekaan itu tidak sah tanpa persetujuan kerajaan UK.

Pada akhir Jun, Sturgeon mencadangkan pengundian baharu diadakan pada 19 Oktober 2023.

Sebelum ini bekas perdana menteri UK Boris Johnson dan Liz Truss tidak membenarkan pungutan suara kedua dijalankan memandangkan rakyat Scotland telah pun memutuskan untuk kekal dalam UK dalam undian 55 berbanding 45 peratus pada 2014.

Ramai yang mengundi menentang kemerdekaan kerana pemisahan Scotland dari UK pada masa itu bermakna negara berkenaan tidak lagi menjadi ahli Kesatuan Eropah. - ©BERNAMA

Sepanyol ambil alih Pengerusi EU, mahu mengindustrikan semula Eropah

VIENNA, 17 Feb. - Sepanyol yang akan mengambil alih jawatan pengerusi Kesatuan Eropah (EU) mahu blok itu menjadi lebih bebas dan matlamat itu boleh dicapai dengan mengukuhkan sektor perindustrian, kata Perdana Menteri Pedro Sánchez pada Khamis.

Sánchez berada di Vienna untuk bertemu dengan Canselor Karl Nehammer sempena bermulanya siri lawatannya ke ibu kota Eropah sebagai persiapan untuk Sepanyol mengambil alih jawatan presiden Majlis EU, pada Julai, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Merujuk pencerobohan Moscow ke atas Ukraine, Sánchez berkata: "jika kita belajar sesuatu daripada perang di Ukraine, kita perlu meningkatkan autonomi strategik kita."

Sánchez turut memetik isu kekurangan pelitup muka dan peralatan perubatan semasa pandemik antara contoh betapa perlunya Eropah menjadi lebih berdikari.

"Kami belajar daripada wabak itu, kami belajar akibat perang, bahawa kami perlu mengindustrikan semula Eropah," kata Sánchez. Ini mesti dilakukan melalui perubahan alam sekitar dan ekonomi, bukan perlindungan," katanya.

Beliau juga berkata EU perlu mencari jalan untuk mencari sekutu di wilayah lain.

Sepanyol mengambil alih jawatan presiden Majlis EU daripada Sweden pada separuh kedua tahun ini. - ©BERNAMA

Korea Selatan akan lancar satelit pengawasan tentera pertama pada November

SEOUL, 17 Feb. - Korea Selatan merancang melancarkan satelit pengawasan tentera yang pertama pada November menerusi penempatan lima satelit menjelang pertengahan 2020-an, menurut pihak berkuasa perolehan senjata negara itu pada Jumaat.

Pada taklimat kepada jawatankuasa pertahanan Dewan Negara, Pentadbiran Program Pemerolehan Pertahanan (DAPA) mengumumkan rancangan untuk melancarkan satelit elektro-optik dan inframerah (EO/IR) bernilai 1.2 trilion won (AS\$927 juta), menurut Agensi Berita Yonhap.

Bersama satelit EO/IR, negara itu berusaha untuk mendapatkan empat radar apertur sintetik (SAR) untuk Seoul meningkatkan keupayaan pengawasan dan mengurangkan pergantungan kepada sumber risikan asing.

Sebaik satelit beroperasi, ia dijangka meningkatkan keupayaan Korea Selatan untuk memantau dan menjejaki pergerakan tentera Korea Utara.

Korea Selatan berusaha membangunkan keupayaan pertahanan berasaskan angkasa lepas ketika mesyuarat utama parti pemerintah Korea Utara pada akhir tahun lepas merancang melancarkan satelit pengawasan ketenteraan seawal mungkin. - ©BERNAMA



HAD UMUR PEMAIN BOLA SEPAK LELAKI SUKAN ASIA DINAIKAN KEPADA 24 TAHUN

SEOUL, 17 Feb. - Had umur pemain bola sepak lelaki pada Sukan Asia akan dinaikkan daripada 23 tahun kepada 24 tahun bagi membuka ruang kepada pemain yang tidak layak pada 2023, kata seorang pegawai di sini.

Persatuan Bola Sepak Korea (KFA) dan Jawatankuasa Sukan & Olimpik Korea (KSOC) pada Jumaat, berkata jawatankuasa penganjur Sukan Asia Hangzhou baru-baru ini memutuskan untuk membenarkan pemain berusia 24 tahun ke bawah beraksi, lapor Agensi Berita Yonhap.

Umur bagi pemain di Sukan Asia

dihadkan di bawah 23 tahun kecuali hanya tiga pemain yang dibenarkan untuk melebihi umur bagi setiap negara.

Bagaimanapun, selepas penganjur Sukan Asia ditunda setahun hingga September ini akibat kesan pandemik COVID-19 di China, penganjur memutuskan untuk menaikkan had umur kepada 24 tahun.

Jika Sukan Asia berlangsung mengikut jadual pada tahun lepas, pemain yang lahir pada 1 Januari 1999 atau selepasnya layak untuk bermain.

Penganjur Sukan Olimpik Musim Panas Tokyo mengambil langkah yang sama

selepas temasya sukan itu ditangguhkan dari 2020 kepada 2021. Acara bola sepak lelaki Olimpik ditetapkan untuk pemain B-23 (bawah 23 tahun).

Jumlah pemain untuk Sukan Asia juga

dinaikkan daripada 20 orang pada 2018 kepada 22 pemain. Pasukan boleh membuat sehingga lima tukaran pemain berbanding tiga sebelum ini. - ©BERNAMA

Tahira Najmunisaa berdepan tugas berat pertahan pingat perak duathlon di Kemboja

KUALA LUMPUR, 17 Feb. - Turun dengan status pemenang pingat perak duathlon wanita Sukan SEA 2022, Tahira Najmunisaa Muhammad Zaid berdepan tugas berat dalam misi mengekalkan status itu menjelang Sukan SEA 2023 Kemboja yang akan membuka tirai pada 5 Mei ini.

Jurulatih Persatuan Triathlon Malaysia (MTA) Rupert Chen berkata ia berikutan format baharu pertandingan yang diperkenalkan pada kejohanan itu lebih mencabar apabila Tahira Najmunisaa atau lebih dikenali sebagai 'wanita besi', perlu menyertai acara duathlon pecut melibatkan larian sejauh 5 kilometer (km), 20km berbasikal dan tambahan 2.5km larian.

Semasa saingan edisi Sukan SEA di Hanoi, Vietnam, Mei lepas, acara duathlon standard yang dipertandingkan meliputi larian sejauh 10km, 40km berbasikal dan tambahan 5km larian.

"Peluang untuk kekalkan pingat perak di Kemboja agak susah untuk kami jangka, memandangkan format pun sudah berubah menjadikan jarak lebih pendek. Kami akan ubah strategi untuk Tahira Najmunisaa pada tahun ini.

"Namun kelajuan dia semasa menyertai

Larian Toyota pada 15 Jan lalu, memang nampak progres yang cerah dan terbaik. Namun, akan sentiasa ada ruang untuk perbaiki," katanya ketika ditemui Bernama.

Rupert memaklumkan atlet berusia 33 tahun yang berpangkalan di Manjung, Perak itu akan kembali menjalani latihan sepenuh masa di Bukit Jalil mulai Rabu depan (22 Feb) dalam usaha mempertajamkan skil fizikal dan mental, terutamanya apabila beliau tidak pernah menyertai acara duathlon pecut sebelum ini.

Beliau bagaimanapun mengakui ketandusan kejohanan duathlon antarabangsa yang dipertandingkan, mungkin memerlukan pihaknya menyiapkan simulasi kejohanan menjelang Sukan SEA 2023 di Phnom Penh, Kemboja dijadual berlangsung dari 5 hingga 17 Mei ini.

Pada Sukan SEA Hanoi, Vietnam, Mei lepas, Tahira Najmunisaa menamatkan saingan duathlon standard meliputi larian sejauh 10km, 40km berbasikal dan tambahan 5km larian dengan catatan masa dua jam 14 minit 22 saat untuk meraih pingat perak. - ©BERNAMA

BAMTC : Tewas pada India, M'sia naib juara Kumpulan B

KUALA LUMPUR, 16 Feb. - Malaysia menamatkan saingan Kumpulan B sebagai naib johan selepas tewas pada India 1-4 dalam Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BAMTC) 2023 di Pusat Pameran Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Khamis.

Perseorangan lelaki nombor sembilan dunia, H.S Prannoy mengumpul mata sulung untuk India apabila beliau bangkit daripada kekalahan set pertama untuk mengetepikan jaguh negara Lee Zii Jia, 18-21, 21-13, 25-23 dalam perlawanan pembukaan.

Kemenangan Prannoy memberi lebih keyakinan kepada juara dunia perseorangan wanita 2019, Pusarla V. Sindhu, yang mudah menundukkan pemain muda negara Wong Ling Ching, 21-13, 21-17.

Juara dunia, beregu lelaki negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik berjaya mengurangkan defisit kekalahan dengan menewaskan Dhruv Kapila-Chirah Shetty, 21-16,

21-10.

Bagaimanapun, Treesa Jolly-Gayatri Gopichand Pullela, yang menduduki ranking ke-19 dunia, muncul wira India selepas mereka mengejutkan beregu wanita utama Malaysia yang juga beregu nombor lima dunia Pearly Tan-M.Thinaah, 23-21, 21-15, sekali gus menjadikan India juara kumpulan.

Beregu campuran nombor 26 dunia, Ishaan Bhatnagar-Tanisha Crasto, melengkapkan kemenangan India dengan meraih mata keempat, meskipun berdepan tentangan hebat daripada gandingan meningkat naik negara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei, 21-19, 19-21, 21-16.

Sementara itu, Kazakhstan memperoleh tempat ketiga Kumpulan B selepas mengalahkan UAE, 3-2. Dua pasukan terbaik dari setiap kumpulan akan mara ke suku akhir manakala empat pasukan terbaik layak secara automatik untuk Piala Sudirman. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan anugerah 'Tokoh Agama Brunei Darussalam' kepada Mufti Pertama Negara Brunei Darussalam, Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1413 bersamaan Tahun 1992 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

SUMBER : 50 Tahun Dalam Ristaan Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam (1959-2009).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SELAMAT MENYAMBUT ISRAK DAN MIKRAJ